

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

2023

HARI KHAMIS : 19 OKTOBER 2023

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8, 11 HINGGA NO. 56)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini kajian terhadap tahap unjuran ekonomi sumber mineral strategik khusus kepada negeri Kedah berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah diberi peruntukan sebanyak RM20 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk melaksanakan kajian potensi mineral strategik ke arah pengurusan sumber yang mampan di Negeri Johor, Kedah, Perak dan Sabah bermula pada 2023 sehingga 2025.
2. Di bawah projek pembangunan RMKe-11, sejumlah RM270,000 telah diperuntukkan bagi kajian tinjauan awalan potensi sumber unsur nadir bumi (*rare earth element - REE*) di negeri Kedah di mana hasil kajian menunjukkan potensi sumber REE dari jenis lempung jerapan ion di daerah Baling, Kulim, Sik dan Yan berjumlah 1.125 juta tan bernilai RM56.7 bilion telah dikenal pasti.
3. Pada RMKe-12, JMG juga telah diberi peruntukan sebanyak RM15 juta di bawah projek Penilaian Potensi Sumber Nadir Bumi (REE) bagi melaksanakan kajian susulan penentuan sumber terukur (*measured resource*) REE dari jenis lempung jerapan ion. Bagi Negeri Kedah, kajian susulan tersebut telah dilaksanakan di lapan (8) kawasan kajian di daerah Baling, Sik, Kulim, Padang Terap dan Kubang Pasu, dengan peruntukan yang diterima sehingga tahun 2023 berjumlah RM504,000.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah pekerja binaan asing yang tertunggak untuk sektor pembinaan di Malaysia. Bagaimanakah Kementerian merancang untuk menyelesaikan masalah tunggakan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan sedia maklum mengenai kekurangan pekerja asing bagi sektor pembinaan. Atas keprihatinan ini, Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing baharu pada **15 Februari 2022**.
2. Kerajaan juga telah memperkenalkan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing pada **17 Januari 2023** hingga **18 Mac 2023** bagi menyegerakan kelulusan untuk sektor-sektor yang mempunyai tahap kebergantungan tinggi kepada pekerja asing, antaranya seperti sektor pembinaan, perkilangan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan.
3. Sehingga **18 Mac 2023**, sebanyak **1,136,022** kuota penggajian pekerja asing telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **359,989** kuota

SOALAN NO: 11

yang melibatkan **2,449** majikan, atau **31.68%** daripada keseluruhan kuota yang diluluskan adalah bagi sektor pembinaan.

4. Unjuran keperluan pekerja asing bagi sektor pembinaan oleh Agensi Kawal Selia semasa pelaksanaan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing adalah sebanyak **301,000**. Dalam hal ini, sehingga 9 Oktober 2023 data kemasukan pekerja asing bagi sektor pembinaan yang diperolehi daripada Kementerian Dalam Negeri adalah seramai **222,230** orang.
5. Untuk makluman Dewan yang mulia, peranan Kementerian Sumber Manusia dalam proses penggajian pekerja asing ini adalah dari aspek menerima permohonan, memproses permohonan dan kelulusan kuota. Manakala aspek kemasukan pekerja asing adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.
6. Pihak majikan hendaklah membuat persediaan dan mengambil langkah proaktif dalam mematuhi segala syarat supaya Pengeluaran Visa Dengan Rujukan dapat disegerakan. Majikan yang telah menerima Surat Kelulusan Bersyarat dan telah membayar levi diberi tempoh 18 bulan untuk membawa masuk pekerja asing. Oleh itu, pihak majikan hendaklah merancang dengan baik kemasukan pekerja asing sesuai dengan keperluan projek-projek yang dilaksanakan.
7. Bagi sektor pembinaan, kebanyakan majikan melaksanakan urusan pengambilan kemasukan pekerja asing binaan dari negara sumber secara berperingkat mengikut kemajuan projek di tapak bina.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM menyatakan:-

- a) perkembangan kerjasama dan rundingan dengan negara-negara jiran bagi menangani masalah jerebu rentas sempadan; dan
- b) tahap kesiapsiagaan sistem pantauan kualiti udara negara dalam menghadapi musim kemarau dalam bulan-bulan mendatang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Masalah jerebu rentas sempadan merupakan isu yang sering dihadapi oleh negara-negara di rantau Asia Tenggara. Fenomena ini berlaku disebabkan oleh aktiviti pembakaran hutan dan pembersihan ladang bagi penanaman semula yang dilakukan ketika musim cuaca panas dan kering dan diburukkan lagi dengan pergerakan angin yang bertiup membawa asap jerebu ke rantau ini.
2. Inisiatif peringkat antarabangsa bagi menangani pencemaran jerebu merentas sempadan telah bermula sejak tahun 2002 dengan termeterainya Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan (ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution – AATHP) yang ditandatangani oleh 10 buah negara ASEAN di Kuala Lumpur pada 10 Jun 2002.
3. Di bawah perjanjian ini, *Meeting of the Committee Under the Conference of the Parties* (COM) dan *Conference of the Parties* (COP) to the AATHP melibatkan semua negara anggota ASEAN serta *Technical Working Group* (TWG) dan *Sub-Regional Ministerial Steering Committee* (MSC) on Transboundary Haze Pollution melibatkan 5 negara di Selatan rantau ASEAN (Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand) diadakan setiap tahun bagi memantau situasi cuaca, keadaan jerebu dan membincangkan langkah-langkah pencegahan kejadian jerebu merentas sempadan di rantau ini.
4. Saya telah mengetuai Delegasi Malaysia menghadiri Mesyuarat Ke-24 TWG dan MSC pada 7 dan 8 Jun di Singapura. Terkini, pada 22 hingga 24 Ogos 2023, Delegasi Malaysia diketuai oleh YB Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah menghadiri Mesyuarat ke-17 Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN, Mesyuarat ke-18 COP AATHP dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan yang telah diadakan di Vientiane, Lao PDR. Melalui mesyuarat ini, dilaporkan bahawa fenomena El Niño dijangka akan berpanjangan sehingga pertengahan tahun hadapan.

5. Semua negara anggota ASEAN telah melaporkan tindakan dan strategi masing-masing dalam pencegahan pembakaran terbuka dan jerebu serta komitmen untuk bersama-sama memastikan inisiatif-inisiatif yang ditetapkan di dalam *Second ASEAN Haze-Free Roadmap* dilaksanakan dengan sempurna bagi mencapai matlamat ASEAN Bebas Jerebu menjelang 2030.

6. Dalam pada itu, Perjanjian Penubuhan *ASEAN Coordinating Centre for Transboundary Haze Pollution Control* (ACC THPC) telah dimuktamadkan. Melalui penubuhan ACC THPC yang berpusat di Indonesia kelak, pengurusan kebakaran dan insiden jerebu merentas sempadan akan lebih terselaras seiring dengan pelaksanaan AATHP sepenuhnya. Malaysia telah menyatakan sokongan kepada penubuhan pusat ini dan sentiasa komited serta sedia bekerjasama ke arah penubuhan dan pengoperasian pusat ini terutamanya dalam bidang pembangunan keupayaan (*capacity building*), perkongsian maklumat dan kepakaran dalam aspek penguatkuasaan undang-undang pembakaran terbuka, teknologi perladangan tanpa pembakaran (*zero burning*), pengurusan tanah gambut yang mampan dan latihan pemadaman kebakaran.

7. Selain itu, Malaysia turut mengadakan kerjasama dua hala dengan kerajaan Indonesia bagi usaha-usaha pencegahan jerebu secara '*Government to Government*' di bawah kerangka Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan. Perjanjian dua hala seperti yang dimeterai oleh Amerika Syarikat dan Kanada melalui *US-Canada Air Quality Agreement* juga boleh dicontohi dengan keberkesanan yang terbukti. Namun usaha ini memerlukan komitmen kedua-dua pihak dan Kerajaan Malaysia sedia untuk terus berunding agar isu ini dapat diselesaikan bersama.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi jerebu dan cuaca kering dalam negara, saya juga telah mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bil. 1 Tahun 2023 (26 Mei 2023) dan Bil. 2 Tahun 2023 (12 September 2023). Mesyuarat ini diadakan bagi melaporkan status terkini keadaan cuaca,

kualiti udara, merancang tindakan dan strategi bagi mencegah pembakaran terbuka serta jerebu setempat, di samping mengatur persediaan menghadapi kemungkinan berlakunya insiden jerebu merentas sempadan. Mesyuarat ini dihadiri oleh kementerian, jabatan dan agensi berkaitan serta Kerajaan Negeri termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang akan bekerjasama dalam mengambil tindakan sekiranya berlaku jerebu.

9. Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan (PTJK) juga telah dirujuk sebagai garis panduan untuk membolehkan agensi-agensi terlibat dalam pengurusan bencana jerebu untuk mengambil tindakan pantas, terselaras dan bersepadu bagi menangani insiden jerebu. Sehubungan itu, semua kementerian, jabatan dan agensi terlibat dipohn untuk terus peka kepada situasi jerebu semasa dan mengambil tindakan di bawah bidang kuasa dan fungsi masing-masing di bawah PTJK ini berdasarkan tahap amaran dan bacaan IPU.

10. Antara tindakan-tindakan lain adalah seperti mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang akan digerakkan oleh NADMA apabila bacaan IPU melebihi 150 bagi tempoh lebih daripada 24 jam, menghentikan semua aktiviti di luar bilik darjah apabila bacaan IPU melebihi 100, penutupan sekolah, tadika dan taska serta-merta apabila bacaan IPU melebihi 200 serta melaksanakan Operasi Pemberihan Awan (OPA).

11. Kementerian juga turut mengambil beberapa langkah proaktif seperti berikut:

- i. pengaktifan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK) sejak 2 April 2023 bagi pelaksanaan tindakan pencegahan, pemantauan, pemadaman dan penguatkuasaan dalam menangani pembakaran terbuka oleh kementerian, jabatan dan agensi terlibat;

- ii. pengaktifan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka dan Prosedur Standard Operasi Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut kepada semua pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri dan agensi-agensi negeri terbabit pada 29 Mac 2023;
 - iii. kekerapan dan kawasan rondaan serta pemantauan udara melalui dron juga dipertingkatkan di kawasan berisiko dan mudah terbakar seperti kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah oleh Pihak Berkuasa Negeri;
 - iv. pelaksanaan penguatkuasaan secara bersepdu dan penguatkuasaan Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), di mana mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 (lima ratus ribu ringgit) atau penjara selama tempoh sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Disamping itu, kompaun sehingga RM2,000 (dua ribu ringgit) boleh dikenakan atas setiap kesalahan;
 - v. pemantauan komuniti turut diperkasakan melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka;
 - vi. program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam dan program penyertaan komuniti turut dipertingkatkan sebagai tindakan pencegahan; dan
 - vii. pemantauan berterusan status kualiti udara semasa melalui 65 stesen automatik JAS dan status cuaca semasa dan ramalan cuaca oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia).
12. Selain itu, program-program peningkatan keupayaan, kesedaran, pendidikan, pembangunan infrastruktur bagi mencegah kebakaran kawasan tanah gambut yang sering terbakar dan sistem amaran awal merupakan antara usaha jangka pendek yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengatasi masalah pembakaran terbuka dan jerebu setempat (di dalam negara) serta jerebu rentas sempadan.

NO. SOALAN: 12

13. Kerajaan Malaysia tidak menolak sebarang cadangan untuk menangani masalah jerebu rentas sempadan termasuklah keperluan Akta baru, tetapi ia perlu dilihat secara menyeluruh dengan mengambil kira faktor-faktor keberkesanan perundangan dalam dan luar negara. Kementerian ini juga akan mengadakan sesi libat urus dengan Panel Penasihat dan Panel Konsultasi yang telah ditubuhkan serta pihak-pihak berkepentingan dan pakar-pakar agar memperoleh penyelesaian yang holistik kepada permasalahan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah elemen kritikal yang akan diambil kira dalam pelaksanaan dasar gaji progresif seperti diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini dan adakah negara bersedia untuk tidak bergantung kepada tenaga kerja asing di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Gaji Progresif bertujuan untuk meningkatkan gaji pekerja dan agihan pendapatan yang lebih saksama. Pada tahun 2022, gaji penengah mencatatkan RM2,424 berbanding sasaran Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas iaitu gaji penengah sebanyak RM2,700 pada tahun 2025.

Beberapa elemen kritikal telah dikenal pasti dalam Dasar Gaji Progresif seperti pelaksanaan secara sukarela dan tertumpu kepada syarikat tempatan, terutamanya dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Ini memandangkan sebahagian besar pekerja yang menerima gaji rendah merupakan pekerja PMKS. Selain itu, panduan gaji bagi setiap sektor dan kategori pekerjaan akan dikeluarkan

dan majikan yang membayar gaji berdasarkan panduan tersebut, layak untuk menerima insentif yang disediakan oleh Kerajaan.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar pelaksanaan Dasar Gaji Progresif akan menghasilkan pekerja tempatan yang lebih kompetitif. Ia akan dapat dicapai melalui peningkatan produktiviti dan gaji, serta program peningkatan kemahiran dan latihan semula yang berterusan. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan majikan kepada pekerja asing. Pelan tindakan juga akan dirangka untuk memastikan bilangan pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah tenaga kerja. Pelaksanaan mekanisme levi pelbagai peringkat serta inisiatif penggalakan automasi dan mekanisasi juga akan membantu dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif akan dibentangkan di Parlimen. Saya mengalu-alukan sebarang pandangan dan cadangan daripada ahli-ahli Yang Berhormat dalam sesi pembentangan Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif ini. Input daripada ahli-ahli Yang Berhormat sudah tentu akan membantu kementerian untuk melaksanakan Dasar Gaji Progresif yang diharapkan dapat meningkatkan pendapatan dan membantu pekerja dalam menangani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan siapakah **operator atau pengusaha** yang mendapat konsesi menguruskan Taman Laut Pulau Undan, Pulau Dodol dan Pulau Nangka di Melaka termasuk *boat service* dan aktiviti *snorkeling* dan sebagainya.

JAWAPAN

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bersama-sama Kerajaan Negeri Melaka telah mewartakan Pulau Undan, Pulau Dodol dan Pulau Nangka di Melaka sebagai Taman Laut pada 3 April 2023 di bawah Seksyen 41, Akta Perikanan 1985.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Melaka (MPPM) dan Badan Kawal Selia Air (BKSA) akan menyelaras potensi hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri manakala Jabatan Perikanan Negeri Melaka bersama-sama Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) dan Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Melaka (MPPM) di bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka akan menyelaras program-program dan penguatkuasaan undang-undang Taman Laut.

Bagi perkhidmatan *boat service* dan aktiviti rekreasi air seperti *snorkeling* dan sebagainya, hanya pengusaha/operator bot yang telah mendapat kelulusan lesen daripada Jabatan Laut Malaysia dan berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Melaka dibenarkan memasuki perairan Taman Laut Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol bagi membawa pengunjung. Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Negeri Melaka, sehingga kini, sebanyak 25 pengusaha/operator telah mendapat kelulusan untuk beroperasi di tiga (3) pintu utama yang dibenarkan untuk pergerakan keluar masuk ke perairan Taman Laut tersebut iaitu Jeti Marina, Jeti Umbai/Pernu dan Jeti Anjung Batu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN
(PORT DICKSON)**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah ada perancangan daripada Kementerian untuk membina jalan raya Gemas bypass ke Segamat bagi tujuan meningkatkan perkembangan industri di kawasan Tampin, Negeri Sembilan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat berhubung perkara berkenaan. Justeru itu, Kementerian akan meneliti selanjutnya cadangan ini berdasarkan kesesuaianya selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan 2030* (HNDP 2030) yang dibangunkan oleh Kementerian. Pada masa ini fokus kementerian ini adalah bagi menghubungkan Seremban – Serting – Jempol – Segamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2030 atau *Highway Network Development Plan 2030* (HNDP 2030) yang diterbitkan oleh Kementerian ini merupakan pelan yang dibangunkan untuk mengenalpasti keperluan infrastruktur jalan raya pada masa hadapan untuk Semenanjung Malaysia bagi melengkapkan sistem jaringan perhubungan yang lebih baik. HNDP telah dibangunkan dengan mengambilkira perancangan pembangunan di peringkat persekutuan, negeri dan koridor pembangunan wilayah disamping penilaian teknikal seperti analisis trafik bagi mengenalpasti unjuran trafik masa hadapan, aspek guna tanah, sosio ekonomi, alam sekitar dan penilaian ekonomi.

Kementerian ini telah melaksanakan Kajian Laluan Alternatif Jalan Seremban – Kuala Pilah (FT051) yang melibatkan koridor kajian di kawasan Kuala Pilah dan kawasan sekitarnya yang merangkumi kawasan Seremban dan Jempol. Kajian ini seterusnya akan dibentangkan kepada Agensi Pusat untuk menentukan halatuju pelaksanaan projek.

Kementerian ini mengambil perhatian berkenaan isu kesesakan di laluan FT001 Gemas ke Segamat dan sentiasa terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk membina jalan pintas atau menaik taraf jalan sedia ada di Negeri Sembilan untuk diteliti oleh

SOALAN NO : 15

kementerian ini bagi kepentingan pengguna yang menggunakan jalan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana program Academy in Industry (Aii) disasarkan kepada golongan B40 yang kurang berkemampuan tetapi ada kemahiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Academy in Industry (Ail) adalah salah satu inisiatif Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri yang bermula pada tahun 2022 untuk memperkasa pembangunan bakat tempatan termasuk golongan B40 supaya sentiasa memenuhi keperluan semasa pasaran dan industri.

Ia merupakan program bekerja sambil belajar di bawah seliaan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang dianjurkan secara kerjasama bersepadu antara pihak Kerajaan, industri dan akademia. Tumpuan Ail adalah untuk membolehkan golongan muda dan rentan daripada semua latar belakang pendapatan menyertai sektor pekerjaan teknikal tanpa perlu mempunyai kelayakan TVET terlebih dahulu kerana mereka akan dilatih dan disijilkan semasa bekerja melalui konsep *place and train*.

Pendekatan baharu ini turut mengambil kira kecenderungan golongan muda yang lebih berminat untuk bekerja terus tanpa melanjutkan pelajaran selepas alam persekolahan. Melalui program Ail, majikan-majikan yang memenuhi syarat (dari segi modul latihan, jenis kandungan teknikal dalam pekerjaan, dan gaji yang ditawarkan) dilesenkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK di bawah Kementerian Sumber Manusia) untuk melatih dan mensijilkan pekerja-pekerja mereka selepas pekerja melalui tempoh kerja-latihan (*on the job training*) selepas 9 hingga 18 bulan bergantung kepada jenis kemahiran yang dipilih.

Melalui Program ini, anak-anak muda seawal 18 tahun boleh mula bekerja dan mempunyai prospek kerjaya teknikal kerana mereka akan mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) selepas 9 hingga 18 bulan bekerja, berbanding pendekatan sedia ada. Pelaksanaan program Ail ini akan memberi impak yang besar kepada ekonomi negara kerana ia dapat mengatasi masalah struktur ekonomi negara dan berupaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada lepasan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (“TVET”, *Technical and Vocational Education*

SOALAN NO : 16

Training). Selain itu, ia berupaya menarik minat golongan muda untuk menyertai aliran pekerjaan TVET, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan.

Penjenamaan semula Ail ini secara rasminya telah dilancarkan pada 1 Ogos 2023 dan telah disebarluas kepada umum menerusi pelbagai saluran untuk menarik lebih ramai belia Malaysia yang mencari peluang kerjaya untuk menyertai inisiatif ini. Selain itu, Ail dijangka mampu mengatasi jurang ketidakpadanan kemahiran dalam industri berproduktiviti tinggi di Malaysia menerusi pemadanan bakat di dalam industri dan seterusnya peningkatan kemahiran (*reskilling and upskilling*) di tempat kerja melalui pensijilan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) oleh JPK.

Sehingga kini, sistem pengurusan Ail telah menerima sebanyak 8,621 pemohonan daripada pelbagai latarbelakang demografik. MPC dengan kerjasama JPK telah mentauliahkan 209 syarikat dengan pensijilan SLDN yang telah bersedia untuk melatih bakat tempatan. Seramai 1,870 bakat telah berjaya dipadankan ke 47 syarikat Ail-SLDN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

YB DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian untuk menambah baik dan meminda AUKU untuk memberikan lebih banyak autonomi kepada persatuan-persatuan mahasiswa di setiap universiti termasuk universiti awam dan swasta.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Tinggi sedang dalam fasa akhir untuk memuktamadkan cadangan pindaan kepada AUKU dalam aspek penambahbaikan kepada ekosistem dan landskap mahasiswa di universiti-universiti awam. Penambahbaikan ini melibatkan seksyen-seksyen yang berkait rapat dengan perkara berikut:
 - I. Pengurusan Kewangan Pelajar;
 - II. Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar;
 - III. Tempoh Lantikan Majlis Perwakilan Pelajar; dan
 - IV. Kumpulan Wang Majlis Perwakilan Pelajar;
2. Selaras dengan hasrat ini, KPT telah mengadakan pelbagai sesi libat urus dengan kumpulan mahasiswa dan pengurusan universiti, termasuk agensi Kerajaan untuk menambahbaik aspek autonomi daripada segi pengurusan aktiviti dan kewangan persatuan pelajar. Dengan input dan maklumbalas yang diterima, Insya-Allah, Kementerian akan membentangkan cadangan pindaan kepada AUKU di Parlimen dalam masa terdekat.
3. Kementerian berpandangan bahawa mahasiswa kini sudah bersedia untuk menggalas tanggungjawab yang lebih besar dalam membuat keputusan dengan memberi lebih autonomi kepada mereka untuk melaksanakan aktiviti berpersatuan dan menyenggara kewangan aktiviti pelajar yang sebelum ini tidak dibenarkan di bawah AUKU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN
BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah pemerkasaan inisiatif terbaharu Kementerian dalam menyemarakkan Kempen “Ini Batik Malaysia” bagi memperkenalkan Batik Malaysia kepada orang ramai dan di peringkat global.

JAWAPAN

**YB KHAIRUL FIRDAUS AKBAR KHAN
TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) sentiasa komited dalam memastikan Batik Malaysia menjadi pilihan pengguna. Kraftangan Malaysia bersama penggiat industri telah membangunkan definisi Batik Malaysia bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap ciri-ciri Batik Malaysia serta penetapan garis panduan yang spesifik untuk mengklasifikasi produk kraf tekstil Batik Malaysia

NO. SOALAN : 18

bagi kegunaan penggiat industri dan pihak berkepentingan. Batik Malaysia merupakan seni kraf hasil kerja tangan sepenuhnya atau sebahagiannya yang mempunyai motif beridentitikan seni dan budaya masyarakat Malaysia melalui proses pembuatan batik dengan menggunakan lilin batik atau bahan serta teknik halangan warna bagi menghasilkan reka corak.

2. Pengisytiharan Hari Batik Malaysia pada 3 Disember setiap tahun merupakan hadiah daripada kerajaan kepada penggiat industri batik tempatan. Selain itu, pemakaian Batik Malaysia oleh Ahli Parlimen juga merupakan perkhabaran gembira untuk membudayakan pemakaian Batik Malaysia pada setiap hari Khamis ketika tempoh persidangan. Kerajaan juga telah menetapkan pemakaian Batik Malaysia semasa waktu bekerja bagi pegawai perkhidmatan awam berkuat kuasa pada 21 Ogos 2023 yang telah diumumkan oleh kerajaan merupakan sokongan terhadap industri Batik Malaysia di samping dapat memelihara warisan dan lambang identiti rakyat Malaysia.

3. Dalam usaha menggalakkan penggunaan serta pemakaian Batik Malaysia di kalangan masyarakat, Kraftangan Malaysia giat melaksanakan pelbagai aktiviti dan program untuk mempromosikan Batik Malaysia secara fizikal dan media sosial. Antara inisiatif bagi memperkenalkan Batik Malaysia kepada masyarakat adalah:

- (a) Siri Jerayawara Kempen “Ini Batik Malaysia”
- (b) Kebolehcapaian Produk Batik Malaysia Menerusi Program Dan Aktiviti Promosi
- (c) Kempen Industri Melalui Media Massa Dan Digital
- (d) Sesi Bersama Media Sempena Kempen “Ini Batik Malaysia”
- (e) Pembangunan Reka Bentuk Dan Produk Baharu
- (f) Peragaan Batik Malaysia Di Peringkat Antarabangsa

(g) Pemeteraihan MoU Dengan Persatuan Pengendali Umrah

(h) Aktiviti Pengurusan Dan Pengembangan Ilmu

4. Inisiatif yang dilaksanakan memberi impak yang positif kepada industri kraf tempatan khususnya kepada penggiat industri Batik Malaysia. Industri batik di Malaysia terus menunjukkan perkembangan dengan peningkatan bilangan usahawan dan jumlah jualan batik daripada 780 orang pada tahun 2021 kepada 797 orang pada tahun 2022 (peningkatan sebanyak 2.2 peratus). Nilai jualan batik pada tahun 2021 adalah sebanyak RM52.1 juta manakala pada tahun 2022 sebanyak RM83.7 juta (peningkatan sebanyak 61 peratus). Sehingga 31 Ogos 2023 industri batik di Malaysia menunjukkan perkembangan yang berterusan dengan nilai jualan batik adalah sebanyak RM67.4 juta iaitu peningkatan purata bulanan sebanyak 21 peratus.

5. Kraftangan Malaysia sentiasa memastikan industri ini terus kekal lestari dan mampu berdaya saing dalam meningkatkan kualiti hidup, mewujudkan peluang pekerjaan serta menjana ekonomi komuniti kraf. Kementerian ini berharap agar masyarakat dapat bersama-sama menyokong Kempen “Ini Batik Malaysia” #inibatikmalaysia #jangansalahpilihbatik dan #banggapakaibatikmalaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah peruntukan sepanjang tahun 2018 sehingga 2023 kepada MARDI khususnya bagi skop penyelidikan varieti padi dan sejauh manakah hasil penyelidikan MARDI ini membantu usahawan di kawasan pedalaman Sarawak terutama di kawasan Parlimen Mas Gading.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh dari RMKe-11 sehingga tahun 2023 RMKe-12, MARDI telah menerima peruntukan sebanyak RM59 juta khusus untuk penyelidikan tanaman padi.

Bagi Negeri Sarawak, kajian penyelidikan padi yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) pembangunan varieti padi baharu padi inbred, padi hibrid dan padi spesialti. Antara varieti yang diperkenalkan di Sarawak adalah padi merah MARDI Rice Merah (MRM 16) yang diperkenalkan pada tahun 2010 dan MARDI Warna 98 (MW 98) diperkenalkan pada tahun 2018. MARDI telah membelanjakan RM500,000 untuk kos pembangunan varieti padi MW 98 meliputi kos baikbaka padi dan projek peningkatan skala di Tg. Purun, Skuduk Chupak,

Batang Lumar dan Bau di Sarawak. Varieti padi ini dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat kerana ia memberikan hasil sekitar 5 tan per hektar semusim dan sesuai untuk penanaman dua kali setahun di Sarawak;

- (ii) kajian pakej baja padi bukit bagi peningkatan potensi hasil padi bukit dengan peruntukan RM360,000 juga telah dijalankan dan formulasinya kini telah digunakan bagi penanam padi bukit khususnya di Sabah dan Sarawak di bawah Skim Baja dan Racun Padi Bukit/ Huma (SBRPB) sejak tahun 2015. Skim ini sedikit sebanyak telah membantu petani padi bukit dengan input baja NPK, baja Nitrogen cecair dan racun rumpai bagi penanaman padi tersebut;
- (iii) kajian untuk menilai kesesuaian varieti padi bukit yang dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12. Melalui projek ini, varieti padi MARDI dan varieti daripada *International Rice Research Institute* (IRRI), Filipina sedang dalam proses penilaian di Kampung Plaman Sepadah, Bau. Sebanyak RM150,000 telah diperuntukkan untuk tujuan penilaian dan peningkatan skala varieti padi; dan
- (iv) kajian baja pintar padi bukit (*controlled release fertilizer*) menggunakan baja *greencoat* yang dibangunkan oleh MARDI juga sedang diuji di Bau, Sarawak untuk menilai kesesuaian dan potensi hasil terhadap padi bukit.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta MENTERI EKONOMI menyatakan adakah pihak Kementerian akan melaksanakan laporan secara berkala berkenaan kemajuan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) seperti mana laporan LAKSANA yang dibuat oleh Kementerian Kewangan dalam memastikan tatakelola yang lebih baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara asasnya, pemantauan pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dibuat secara berkala dan pelaporan kemajuan dibentangkan kepada pengurusan tertinggi semasa Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian Ekonomi pada setiap minggu.

Bagi tujuan pelaporan secara berkala, Kementerian Ekonomi juga mengemukakan maklumat berkenaan prestasi pelaksanaan IPR secara bulanan kepada pihak LAKSANA. Pelaporan tersebut antara lain merangkumi jumlah penerima manfaat serta jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi pelaksanaan program ini.

Dari aspek pemantauan, perkembangan pelaksanaan program yang dibangunkan akan disimpan dan dilaporkan dalam sistem pangkalan data yang dikenali sebagai iBox yang dibangunkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Sistem ini adalah pangkalan data bersepadu yang boleh memaparkan data dan maklumat secara *dashboard* untuk memantau status kemajuan program yang dilaksanakan. Selain itu, Kementerian Ekonomi juga melaporkan perkembangan pelaksanaan IPR secara berkala menerusi Dashboard Eksekutif Malaysia Madani yang dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Selain itu, pelaporan berkenaan pelaksanaan IPR juga turut dibentangkan secara berkala di peringkat Persekutuan dan negeri bersama pelbagai pihak termasuk pihak awam, swasta dan akademia selaras dengan pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation approach*) yang ditekankan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025.

Di peringkat persekutuan, prestasi pelaksanaan IPR telah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Prestasi pelaksanaan IPR juga turut dibentangkan secara berkala di peringkat negeri menerusi Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg), Mesyuarat Jawatankuasa *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan atau melalui platform tidak rasmi seperti sesi libat urus secara berkala yang dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi bersama Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah.

Selain itu, status pelaksanaan IPR juga turut dibentang dan dibincangkan secara berkala menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan IPR Peringkat Daerah yang diwujudkan di peringkat daerah yang terlibat di dalam pelaksanaan IPR. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan melibatkan keahlian daripada pelbagai pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta. Mesyuarat ini juga bertujuan bagi menyelaras penglibatan pelbagai pihak yang terlibat, menilai program yang dicadangkan serta memantau keberkesanan program IPR.

Selanjutnya, bagi menggalakkan penglibatan sektor korporat, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan organisasi berasaskan komuniti (CBO), Kementerian Ekonomi juga turut melaporkan berkenaan pelaksanaan IPR melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH). Hasil daripada perkongsian menerusi platform berkenaan juga membawa nilai tambah kepada pelaksanaan IPR menerusi perkongsian kepakaran dan bantuan berkaitan terutamanya menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh sektor swasta.

Sesuai dengan era media sosial yang meluas pada masa kini, perkembangan pelaksanaan IPR juga turut dilaporkan secara berkala menerusi media sosial rasmi Kementerian Ekonomi. Selain itu, saya juga turut melaporkan pelaksanaan INSAN secara aktif menerusi media sosial peribadi, termasuk melalui laman *tiktok* bagi memastikan ketercapaian maklumat oleh masyarakat berkaitan pelaksanaan inisiatif semasa Kerajaan termasuk kemajuan dan cabaran dalam melaksanakan program IPR.

Kementerian Ekonomi juga turut merangka pelbagai pelan komunikasi strategik bagi melaporkan berkenaan perkembangan semasa serta hala tuju pelaksanaan IPR menerusi pelbagai medium terutamanya media massa. Usaha-usaha ini merupakan sebagai daripada inisiatif Kerajaan bagi mendedahkan kepada umum berkenaan proses yang terlibat dalam pelaksanaan IPR sekaligus membolehkan rakyat menilai keberkesanan pelaksanaan program Kerajaan sesuai dengan prinsip tatakelola yang baik dalam pentadbiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW (BATU KAWAN)

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status permohonan cadangan pembinaan lebuh raya bertingkat dari Juru ke Sungai Dua dan juga pelebaran Jalan Kulim, Daerah Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang ke sempadan negeri Kedah dari dua lorong kepada empat lorong. Malah, daripada keseluruhan senarai projek jalan yang dikemukakan, berapakah (projek) yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan pernah menerima cadangan lebuh raya bertingkat dari Juru ke Sungai Dua daripada pihak swasta dan cadangan ini pernah dibentangkan di Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Namun begitu, pada masa ini pihak Kerajaan sedang memberi fokus kepada cadangan Lebuhraya Koridor Utara (NCH) yang bermula dari Changkat Jering (sambungan daripada Lebuhraya Persisiran Pantai Barat) dan berakhir di Padang Besar, Perlis sepanjang 270.6 km yang akan menyediakan *bypass* dari Juru ke Sungai Dua bagi menyuraikan trafik dengan mengasingkan antara trafik ke utara dan selatan dengan trafik setempat (local traffic).

Bagi cadangan Lebuhraya Koridor Utara (NCH) kini, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri telah mempelawa tender *Request For Proposal* (RFP) bagi cadangan Lebuhraya NCH pada 16 Mac 2023. Tarikh tutup pelawaan tender adalah pada 25 Oktober 2023. Proses penilaian dijangka mengambil masa selama dua bulan. Pihak Kerajaan akan melaksanakan penilaian terhadap RFP yang dikemukakan oleh pihak pembida bagi memilih pembida yang berjaya.

Pelaksanaan projek cadangan Lebuhraya NCH ini akan dimulakan selepas rundingan dengan pembida yang berjaya dimuktamadkan dan surat niat kepada pembida berjaya dijangka akan dikeluarkan oleh pihak UKAS pada Januari 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Kulim yang dimaksudkan Yang Berhormat adalah jalan negeri dengan kod laluan P12 dan di bawah tanggung jawab negeri. Sehubungan itu, kementerian ini berpandangan cadangan untuk menaiktaraf jalan tersebut lebih sesuai dilaksanakan melalui peruntukan Kerajaan Negeri kerana bidang kuasa Kementerian ini adalah untuk Jalan Persekutuan sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh *Rolling Plan 1* hingga *Rolling Plan 3*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah mengemukakan permohonan untuk kelulusan Agensi Pusat seperti berikut:

(i) *Rolling Plan 1*, RMKe-12:

(a) Projek Menaik taraf jalan Tunggal 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong dari Permatang Tinggi (Sek.740.4) Ke Sungai Juru (Sek. 746.4), Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

(ii) *Rolling Plan 2*, RMKe-12:

(a) Menaiktaraf Jalan Tunggal FT001, 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Dari Persimpangan Borr (Sek.765) Ke Permatang Pak Elong Sek. 773), Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

(b) Projek Naik taraf Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (Sek 720) Ke Jambatan Di Atas Sungai Junjung (Sek 740), Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan (Menaiktaraf Jalan & Persimpangan Dari Ch14850 – Ch10750 dan Ch8900 – Ch7200).

(iii) *Rolling Plan 3*, RMKe-12:

(a) Menaik taraf Jalan Tunggal 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Dari Persimpangan Borr (Sek.765) Ke Permatang Pak Elong (Sek.773), Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

(b) Menggantikan Jambatan FT006/042/68, Barat Daya, Pulau Pinang.

Namun projek-projek tersebut tidak dapat kelulusan daripada Agensi Pusat berdasarkan kedudukan kewangan kerajaan terhad untuk projek – projek baharu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sekali lagi memohon bagi projek – projek seperti berikut pada *Rolling Plan 4*, RMKe-12 untuk kelulusan Agensi Pusat.

(i) *Rolling Plan 4, RMKe-12:*

- (a) Menaik taraf Jalan Tunggal 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Dari Persimpangan Borr (Sek.765) Ke Permatang Pak Elong (Sek.773), Seberang Perai Utara, Pulau Pinang (Kerja Awalan & Rekabentuk).
- (b) Projek Menaiktaraf Jalan Tunggal 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Dari Permatang Tinggi (Sek. 740.4) Ke Sungai Juru (Sek. 746.4) Di Laluan Persekutuan FT001, Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Kerja Awalan & Rekabentuk)
- (c) Projek Menaiktaraf Jalan Tunggal 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Di Laluan Persekutuan FT006 Dari Bayan Lepas (Seksyen 19.3) Ke Teluk Kumbar (Seksyen 23.2), Pulau Pinang (Kerja Awalan & Rekabentuk. Walau bagaimanapun kelulusan bagi cadangan projek tersebut akan dimaklumkan selepas pembentangan bajet kelak berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN
KHIRUDIN (JERANTUT)**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status cadangan untuk meningkatkan gaji permulaan Jurutera di sektor awam antara RM2,800 hingga RM3,500 mengikut kemampuan majikan yang disebut dalam Laporan Pasukan Khas LJM bertarikh 14 September 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 14 Mac 2022, YB Menteri Kanan Kerja Raya Malaysia telah membuat kenyataan pada sesi menjawab perbahasan isu gaji permulaan jurutera rendah di Mesyuarat Pertama Penggal Kelima, Parlimen ke-14. Pada sesi tersebut YB Menteri Kanan telah menerangkan bahawa satu *Task Force* (Pasukan Petugas) telah ditubuhkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) bagi meneliti isu gaji permulaan jurutera rendah yang telah dibangkitkan oleh beberapa pihak sejak tahun sebelumnya. *Task Force* LJM telah dipertanggungjawabkan bagi mengkaji beberapa perkara berikut:

- (i) mengenal pasti kesahihan isu gaji permulaan jurutera rendah dengan kaji selidik menerusi data diperolehi dari pelbagai sumber;
- (ii) mengenal pasti punca utama isu gaji permulaan jurutera rendah; dan
- (iii) memberi cadangan hala tuju serta tindakan untuk pertimbangan pihak berkuasa dan pihak berkenaan.

Sehubungan itu, suka cita dimaklumkan bahawa kajian oleh *Task Force* LJM telah selesai dan hasilnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Sekitar 35% jurutera menerima gaji permulaan di bawah RM2,000.00;
- (ii) Di dalam perkhidmatan awam, skim Kejuruteraan (J) adalah berada pada kedudukan ketiga selepas skim Perubatan & Kesihatan (U) dan Kewangan (W);
- (iii) Sektor Penyelidikan & Pembangunan dan Pembuatan & Pengeluaran menawarkan julat peratusan gaji permulaan melebihi RM2,000.00 yang paling tinggi iaitu 75%;

- (iv) Kenyataan bahawa gaji permulaan jurutera yang tidak berubah sejak 20 tahun (2000 – 2021) adalah tidak tepat. Kajian mendapati bahawa purata kenaikan gaji tahunan bagi sektor awam dan sektor swasta masing-masing sebanyak 2.9% dan 2.2%; dan
- (v) Kadar kenaikan gaji permulaan jurutera tidak selaras dengan kadar inflasi negara iaitu 3.2% (sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga telah mengambilkira Laporan Taskforce tersebut dalam melaksanakan beberapa penambahbaikan gaji penjawat awam sejak Sistem Saraan Malaysia (SSM) diperkenalkan pada tahun 2002 yang melibatkan penetapan gaji permulaan terendah, pelarasan gaji dan penambahbaikan jadual gaji. Di samping itu, Kementerian Kerja Raya telah menganjurkan satu sesi libat urus mengenai Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bersama pegawai dan kakitangan di bawah Skim Perkhidmatan Teknikal pada 02 Ogos 2023 (Rabu) yang lalu. Sesi Libat Urus ini telah bertujuan untuk mendapatkan input awal berkaitan inisiatif Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam khususnya bagi Skim Perkhidmatan Teknikal yang terdiri daripada tiga (3) Skim Utama iaitu Skim - A (Pengangkutan), Skim - H (Kemahiran) dan Skim -J (Kejuruteraan).

Dalam pada masa yang sama, pihak JPA juga turut mengadakan pelbagai sesi libat urus mengenai kajian yang sama dengan Kementerian dan Jabatan serta Agensi yang lain. Kajian ini dilaksanakan untuk mengimbangi kebijian penjawat awam yang merangkumi semakan saraan gaji, elauan dan kemudahan) serta laluan kerjaya secara holistik dengan mengambil kira kesesuaian dan situasi ekonomi serta kedudukan kewangan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA]
TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diterima dan direalisasikan dari Januari 2023 hingga Jun 2023 mengikut negeri dan jumlah pekerjaan yang diwujudkan melalui pelaburan berkenaan;
- b) Setakat manakah perkembangan syarikat yang telah mendatangani Perjanjian Memorandum Persefahaman (MOU) pelaburan berjumlah RM170 bilion daripada pelabur China sewaktu lawatan Perdana Menteri ke China pada Mac 2023 lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2023, Malaysia berjaya meraih jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM132.6 bilion dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan utama yang melibatkan 2,651 projek, dan dijangka akan mewujudkan 51,853 peluang pekerjaan di negara ini. Pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang 52.2 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, atau RM69.3 bilion, dipacu oleh pelaburan dalam sektor perkhidmatan, khususnya hartanah dan sektor utama. Manakala jumlah FDI menyumbang 47.8 peratus, atau RM63.3 bilion kepada pelaburan yang diluluskan.

Bagi tempoh tersebut, dari jumlah FDI yang diluluskan sebanyak RM63.3 bilion, sebanyak 225 projek pemilikan asing telah diluluskan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di bawah kawal selia Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), dengan jumlah pelaburan bernilai RM36.2 bilion.

Secara purata, lazimnya projek-projek ini akan mengambil masa satu hingga dua tahun untuk direalisasikan, bergantung kepada jenis projek, dan kelulusan dari pelbagai kementerian dan agensi yang berkenaan, baik di tahap Persekutuan mahupun di pihak Kerajaan negeri.

Daripada jumlah yang diluluskan tersebut, sebanyak 27 projek pemilikan asing telah direalisasikan dengan nilai RM9.8 bilion dan mewujudkan sebanyak 1,844 pekerjaan, yang terdiri daripada -1,546 pekerjaan bagi warga tempatan dan selebihnya iaitu 298 pekerja asing. Manakala, baki 198 projek sedang dalam peringkat awal pelaksanaan dengan satu projek di peringkat pemilihan lokasi dan 197 projek sedang dalam perancangan aktif.

Butiran pecahan pekerjaan yang telah diwujudkan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan oleh projek pemilikan asing bagi tempoh Januari hingga Jun 2023 mengikut lima negeri utama adalah seperti berikut:

a. Sektor Perkilangan

- (i) 26 projek perkilangan pemilikan asing telah direalisasikan bagi tempoh Januari hingga Jun 2023 dengan pelaburan asing bernilai RM8.2 bilion dan mewujudkan 1,777 pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, 1,487 pekerjaan telah diwujudkan untuk rakyat Malaysia dan 290 adalah pekerja asing; dan
- (ii) Lima buah negeri utama bagi industri perkilangan pemilikan asing yang mewujudkan jumlah pekerjaan tertinggi adalah; Johor (1,327 pekerjaan), Perak (159 pekerjaan), Pulau Pinang (134 pekerjaan), Negeri Sembilan (116 pekerjaan) dan Selangor (25 pekerjaan).

b. Sektor Perkhidmatan

- (i) Terdapat satu projek perkhidmatan pemilikan asing yang telah direalisasikan di negeri Johor bagi tempoh Januari hingga Jun 2023 dengan pelaburan asing bernilai RM1.6 bilion dan mewujudkan 67 pekerjaan, melibatkan 59 rakyat Malaysia dan 8 pekerja asing.

Misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM) ke Republik Rakyat China telah dianjurkan pada 29 Mac hingga 3 April 2023 dengan anggaran potensi pelaburan berjumlah RM170 bilion. Antara program-program promosi pelaburan dalam misi tersebut adalah persidangan mesyuarat meja bulat (*roundtable meeting*) yang melibatkan 36 orang pemimpin industri di China yang berprofil tinggi serta Forum Perniagaan Malaysia-China yang telah menerima sambutan yang amat memberangsangkan dengan kehadiran lebih daripada 1,000 pemimpin-pemimpin perniagaan dari Malaysia dan RRC.

Kementerian ini melalui MIDA giat menjalankan perundingan aktif dengan syarikat-syarikat berpotensi bagi memastikan keputusan pelaburan dapat dimuktamadkan secepat mungkin. Dalam usaha ini, beberapa projek telah mencapai kemajuan yang positif, antaranya seperti berikut:

SOALAN NO : 23

- i. Syarikat GDS Services Ltd akan melabur RM4.5 bilion untuk pembinaan kampus pusat data hiperskala dalam tempoh 10 tahun.
- ii. Syarikat LONGi, salah satu pengeluar wafer silikon yang terbesar di dunia yang telah memulakan operasi di Sarawak pada tahun 2016, akan meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi *solar ingot, wafer, cell* dan modul di Serendah, Selangor dengan pelaburan sebanyak RM1.8 bilion. LONGi Malaysia akan mewujudkan lebih daripada 8,000 peluang pekerjaan secara keseluruhannya.
- iii. Syarikat ZTE Corporation telah mengumumkan kolaborasi dengan Telekom Malaysia Berhad (TM) untuk menujuhkan dua (2) buah pusat inovasi penyelidikan dan pembangunan dengan tujuan memajukan teknologi 5G di Malaysia serta menyokong transformasi digital TM. Pelaburan sebanyak RM200 juta akan diperuntukkan dalam tempoh 5 tahun dan dijangka mencipta 100 peluang pekerjaan serta melatih lebih daripada 10,000 rakyat Malaysia.
- iv. Kerjasama antara Zhejiang Geely Holding Group dan DRB-HICOM bertumpuan kepada perancangan dan pembinaan *Automotive High-Technology Valley (AHTV)*’ di Tanjung Malim, Perak. Kerjasama ini bertujuan untuk menarik pelaburan automotif yang berteknologi tinggi, dengan anggaran pelaburan kolektif bernilai RM32 bilion dari pelbagai pihak termasuk pelabur asing dan tempatan, serta penciptaan pekerjaan menjelang tahun 2030.

Selain daripada itu, enam (6) projek dengan pelaburan sebanyak RM95.72 bilion dijangka akan dimuktamadkan pada akhir tahun 2023, yang berpotensi untuk mewujudkan sejumlah 7,170 peluang pekerjaan dan satu (1) projek dengan pelaburan sebanyak RM3.5 bilion dijangka akan dimuktamadkan pada 2025.

Kementerian ini akan memberikan sokongan sepenuhnya dalam memudahcara pelbagai aspek yang diperlukan bagi memastikan projek-projek pelaburan tersebut dapat direalisasikan. MIDA sentiasa responsif dalam memberikan nasihat dan sokongan kepada bakal pelabur bagi

memastikan projek-projek dapat dipermudah dan direalisasikan secepat mungkin melalui khidmat fasilitasi oleh pejabat MIDA di luar negara dan pejabat negeri. Selain itu, Pejabat Pelaksanaan Projek dan Fasilitasi (TRACK) di MIDA juga komited untuk memastikan proses kelulusan dan pelaksanaan projek-projek berjalan lancar bagi menyumbang ke arah Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

Kerajaan juga telah mengambil pendekatan dalam membuat reformasi pentadbiran melalui penubuhan Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Pelaburan dan Perdagangan (JTPPP) di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang akan memastikan komitmen bagi pelaburan terus antarabangsa dan domestik dan perdagangan direalisasikan sesegera mungkin.

Sebagai Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, JTPPP akan dipengerusikan oleh saya sendiri. Jawatankuasa ini juga dianggotai oleh wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan MIDA sebagai ahli tetap, manakala Kementerian dan agensi berkaitan yang lain termasuk wakil Kerajaan Negeri akan dijemput mengikut keperluan. Status kemajuan pelaksanaan projek-projek pelaburan yang dimeterai semasa lawatan kerja saya ke luar negara akan dilaporkan oleh JTPPP kepada Majlis Pelaburan Negara (MPN) secara berkala, dan kepada media massa berdasarkan keperluan.

Mesyuarat pertama JTPPP telah diadakan pada 16 Oktober 2023. Mesyuarat ini antara lainnya telah membincangkan status terkini pelaburan asing dan domestik yang masih dalam proses pelaksanaan, serta kerja-kerja pelaksanaan bagi inisiatif yang telah diumumkan pada sesi pembentangan Belanjawan 2024 yang lalu, termasuk Projek Pembangunan Automotive High-Tech Valley (AHTV) dan cadangan pembangunan Kerian Integrated Industrial Park (KIIP) bersama Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI

ABD. MUTTALIB [MARAN]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**
menyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi
masalah kekurangan bekalan beras (tempatan) yang permintaannya
tinggi disebabkan kenaikan melonjak harga beras (import) serta
berapakah kos pengeluarannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah melancarkan beberapa langkah intervensi untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan beras tempatan yang permintaanya tinggi disebabkan kenaikan melonjak harga beras import. Antaranya adalah Program Khas Beras Putih Tempatan di mana sehingga 11 Oktober 2023 sebanyak 794,129 kampit beras putih tempatan (BPT) 10kg telah diedarkan di seluruh Semenanjung melalui rantaian peruncit seperti pasaraya, rantaian premis serta outlet Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Terbaru, hasil pertemuan bersama YAB Perdana Menteri, beliau telah bersetuju untuk Kementerian melaksanakan empat (4) langkah intervensi tambahan seperti berikut:

Pertama, FAMA dan LPP telah diarahkan untuk meningkatkan pengedaran BPT ke kawasan pinggir bandar dan luar bandar termasuk ke kedai-kedai runcit. Oleh kerana margin jualan BPT hanya 50 sen bagi kampit 10kg diperangkat runcit, maka Kerajaan telah bersetuju untuk menyalurkan kos pengangkutan kepada pihak FAMA dan LPP bagi pengedaran BPT. Perlu saya tegaskan di sini bahawa peranan FAMA dan LPP dalam langkah intervensi ini hanya bersifat sementara dan bukanlah sebagai pengedar utama BPT di negara ini.

Kedua, semua perolehan pembekalan beras putih tempatan di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan beras putih import (BPI) dan pihak pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 per tan metrik (harga pintu gudang) dalam kampit 50kg dan ia tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

Ketiga, menujuhan *Task Force Khas* yang melancarkan operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi meliputi Kawal Selia Padi dan Beras (KPB), KPKM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan

NO. SOALAN: 24

Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Mesyuarat *Task Force Khas OP Bersepadu Beras Putih Tempatan (OP BPT)* yang telah diadakan pada 3 Oktober 2023 dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri KPKM. OP BPT Bersepadu ini melibatkan pemeriksaan menyeluruh atas semua peringkat rantai industri termasuk semua kilang beras dan stor pemborong beras. Sampel beras juga akan diambil di kilang beras, gudang pemborong dan juga pasar raya untuk pelaksanaan analisis kimia oleh Jabatan Kimia Malaysia dan MARDI.

Keempat, dalam konteks Sabah, Labuan dan Sarawak, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan subsidi sebanyak RM950 per tan metrik Beras Putih Import (BPI) mulai 5 Oktober 2023. Melalui kaedah ini, harga runcit BPI di kedua-dua negeri ini akan menjadi harga maksima RM31 bagi sekampit 10kg. Langkah ini diambil memandangkan pengeluaran BPT di Sabah dan Sarawak adalah terhad.

Anggaran kos pengeluaran BPT adalah dalam lingkungan RM2,800 per hektar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada Kementerian dapat meluluskan permohonan Kementerian Kerja Raya bagi menjalankan projek menaik taraf Bulatan Pujut 3 (GK Supermarket) Miri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan projek Menaik Taraf Bulatan Pujut 3 (Bulatan GK) Kepada Persimpangan Lampu Isyarat Serta Menaiktaraf Jalan Bulatan Puchong - Sg. Lutong Lorong Dari Bulatan Saberkas/Pujut Ke Persimpangan Pujut 7, Bahagian Miri telah dikemukakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk *Rolling Plan 4*, RMKe-12 dan dalam proses penilaian dan pertimbangan Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapa lesen sampan yang dipohon oleh nelayan-nelayan muda di Parit Buntar khususnya masih lagi dibekukan hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lesen sampan yang dipohon oleh nelayan termasuk nelayan muda di Parit Buntar, Kerian masih lagi dibekukan sehingga kini. Pembekuan pengeluaran lesen vesel nelayan zon A, B dan C termasuk sampan dan peralatan menangkap ikan telah dilaksanakan sejak tahun 1982. Langkah pembekuan lesen ini dilaksanakan setelah mengambil kira status sumber perikanan semasa, tahap tampungan bilangan vesel penangkapan ikan sedia ada yang beroperasi serta aduan nelayan mengenai kekurangan hasil tangkapan.

Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menjalankan pemutihan dari semasa ke semasa bagi mengeluarkan nelayan yang tidak aktif dan akan mempertimbangkan lesen sampan khas kepada nelayan yang layak. Berdasarkan rekod DOF, sebanyak 11 lesen sampan khas telah diluluskan di Daerah Kerian pada tahun 2020, 23 lesen pada tahun 2021 dan tiada kelulusan diberikan pada tahun 2022 sehingga September 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status kemajuan Projek Rancangan Tebatan Banjir Tawau Fasa 1A yang diluluskan pada RMK-11 Pakej 3 dan 4 yang meliputi :-

- a) pembesaran sungai asal sepanjang 4.0 KM dari Kampung Titingan kerana keadaan sekarang, besar di hulu sungai 20 meter dan di hilir sungai 7 meter menyebabkan air melimpah dan banjir; dan
- b) pemasangan kunci air automatik atau Automatic Tidal Gate) dan memperbaiki sistem pengaliran lencongan Sungai Tawau melalui Kampung Pasir Putih dan Kampung Kukusan sehingga lautan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sememangnya mempunyai perancangan menyeluruh bagi mengatasi isu kejadian banjir yang berlaku di Sungai Tawau.
2. Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tawau, (Fasa 1A – Pakej 3 dan Pakej 4) sedang dilaksanakan di tapak, bermula pada tahun 2019 dan dijangka siap pada tahun 2024 dengan kos kontrak RM27 juta. Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada 8,000 orang penduduk yang terjejas akibat bencana banjir. Projek ini turut merangkumi skop melebarkan dan mendalamkan muara sungai Tawau.
3. JPS juga telah mengemukakan permohonan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tawau, Lembangan Sungai Tawau, Sabah (Fasa 1B - Pakej 1 dan Pakej 2) dalam permohonan projek *Rolling Plan 4* (RP4) di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12). Projek ini akan melengkapkan fasa pembinaan di kawasan Bandar Tawau dan sedang dalam pertimbangan dan kelulusan Kementerian Ekonomi.
4. Manakala skop pemasangan kunci air automatik (*Automatic Tidal Gate*) tidak dimasukkan di bawah RTB Sungai Tawau Fasa 1A. Walau bagaimanapun, komponen ini akan dimohon dalam *Rolling Plan* seterusnya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : KAPTEN DATO` DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI [TANJUNG KARANG]
TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN NO. 16

KAPTEN DATO` DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI [TANJUNG KARANG] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jenis pelaburan yang telah dan akan dibawa masuk ke Malaysia hasil lawatan delegasi Kerajaan Malaysia ke negara-negara berkuasa besar terutama dari negara China serta serantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh Januari hingga September 2023, sebanyak empat Misi Perdagangan dan Pelaburan (*Trade and Investment Mission* - TIM) telah dilaksanakan melibatkan ke negara Jepun, Republik Rakyat China, Republik Korea dan Singapura. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah berjaya mendapatkan komitmen pelaburan langsung asing (FDI) berjumlah RM230.07 bilion, iaitu merangkumi RM23.07 bilion melalui misi pelaburan ke Jepun, RM170 bilion melalui misi pelaburan ke China, RM24 bilion melalui misi pelaburan ke Republik Korea dan RM13 bilion melalui misi pelaburan ke Singapura. Daripada jumlah komitmen pelaburan sebanyak RM230.07 bilion, sebanyak 51.38 peratus (dengan nilai RM118.21 billion) dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2023, Malaysia berjaya meraih jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM132.6 bilion dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan utama yang melibatkan 2,651 projek, dan dijangka akan mewujudkan 51,853 peluang pekerjaan di negara ini. Pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang 52.2 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, atau RM69.3 bilion, dipacu oleh pelaburan dalam sektor perkhidmatan, khususnya harta tanah dan sektor utama. Manakala jumlah FDI menyumbang 47.8 peratus, atau RM63.3 bilion kepada pelaburan yang diluluskan.

Antara projek utama dalam sektor perkhidmatan yang telah diluluskan setakat separuh pertama tahun 2023 termasuk GDS IDC Services bagi projek perkhidmatan ICT; dan Microsoft untuk projek R&D. Bagi sektor perkilangan, antara projek pelaburan utama besar yang diluluskan adalah pelaburan oleh Texas Instruments Malaysia dalam industri *Electrical and Electronic products (E&E)*, CKD Corporation dalam industri *Machinery and Equipment (M&E)*, EVE Energy dalam industri peralatan pengangkutan, Lotte EM Malaysia dalam industri produk logam asas, dan Super Micro dalam E&E.

SOALAN NO. 28

Secara bandingan dengan tahun 2022, Malaysia mencatatkan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM267.8 bilion dalam sektor-sektor perkilangan, perkhidmatan, dan utama. FDI menyumbang sebanyak 61 peratus, atau RM163.3 bilion daripada jumlah pelaburan; manakala DDI merekodkan 39 peratus, atau RM104.4 bilion daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Republik Rakyat China merupakan pelabur terbesar dengan kelulusan 91 projek bernilai RM55.4 bilion, diikuti oleh Amerika Syarikat (RM29.2 bilion), Belanda (RM20.4 bilion), Singapura (RM13.5 bilion), dan Jepun (RM11.4 bilion).

Antara projek utama dalam sektor perkhidmatan yang telah diluluskan pada tahun 2022 termasuk ByteDance System yang mengendalikan TikTok Malaysia dan Amazon Web Services untuk projek perkhidmatan ICT. Sementara itu, projek besar yang diluluskan dalam sektor perkilangan termasuk pelaburan oleh Samsung SDI Energy (bateri untuk kereta elektrik atau EV), TF-AMD (E&E), Ferrotec (M&E), dan Insulet (peranti perubatan).

Landskap pelaburan global kian mencabar dan kompetitif, dengan dunia menghadapi krisis ketegangan geopolitik, permintaan global yang perlahan dan persekitaran kadar faedah yang lebih tinggi dalam pasaran utama. Namun, Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini.

Malaysia telah mendapat pengiktirafan sebagai ekonomi yang paling kompetitif ke-27 di dunia dalam *IMD World Competitiveness Ranking* 2023, meningkat dari tangga ke-32 berbanding tahun 2022. Sehubungan itu, kerajaan komited untuk terus mengambil tindakan proaktif dan agresif dalam menambahbaik ekosistem pelaburan bagi menarik pelaburan yang berkualiti dan bernilai tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan usaha-usaha dan mekanisme untuk membantu golongan B40 dan M40 setelah subsidi bersasar dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil serius usaha untuk menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan pendapatan antara isi rumah bagi membantu isi rumah B40 dan M40. Ini adalah penting dalam mencapai pengagihan yang saksama.

Bagi jangka masa pendek, pelbagai bantuan telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan Bajet 2023 pada 24 Februari 2023. Antara langkah-langkah bagi membantu golongan miskin dan B40, tanpa mengira etnik mahupun keberadaan mereka di bandar atau pendalaman. adalah seperti berikut:

- i. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kepada hampir 9 juta penerima dengan peruntukan disediakan hampir RM8 bilion;
- ii. Bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada golongan yang mudah terjejas termasuk kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya;
- iii. Bantuan pelbagai subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil;
- iv. Projek pembinaan luar bandar dan program-program membasi kemiskinan (RM3.9 billion); dan
- v. Paket Perpaduan Prabayar Internet Mudah Alih dan Paket Perpaduan Jalur Lebar.

Disamping itu, melalui Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 - 2025, beberapa strategi jangka sederhana dan panjang untuk menangani kemiskinan dari pelbagai dimensi telah digariskan termasuklah;

- vi. meningkatkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup golongan miskin,
- vii. meningkatkan akses kepada sokongan sosial seperti pendidikan, kesihatan, perumahan dan infrastruktur bagi menambahbaik tahap kualiti hidup serta kesejahteraan isi rumah miskin

viii. menggalakkan pengambilan perlindungan sosial bagi mengekalkan daya tahan isi rumah.

Di samping itu, bagi meminimumkan beban sara hidup kepada golongan M40, pelbagai bentuk subsidi, bantuan dan insentif juga diberikan. Kerajaan percaya bahawa inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini dapat membantu golongan ini yang dibelenggu masalah kos sara hidup.

Bagi strategi jangka masa sederhana, pendapatan rakyat akan ditingkatkan melalui program-program keusahawanan, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula serta dasar perlindungan sosial yang komprehensif. Pada peringkat isi rumah, inisiatif ini termasuk menangani peningkatan kos sara hidup dan meningkatkan kuasa beli serta mengukuhkan perlindungan sosial.

Dalam hubungan ini, Kementerian Ekonomi telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion dalam tempoh RMKe-12 untuk melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi meningkatkan pendapatan miskin tegar dan B40 secara mampan. Sebanyak tiga inisiatif rintis telah diperkenalkan iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) disamping Program Pembasmian Miskin Tegar (BMT). Inisiatif ini melibatkan kerjasama antara Kerajaan, rakyat dan rakan-rakan strategik melalui pendekatan whole-of-nation approach merentasi ekosistem rantai nilai.

Bagi strategi jangka masa panjang melalui rangka kerja ekonomi makro, Kerajaan antaranya komited untuk meningkatkan bahagian pampasan pekerja (atau CE) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021- 2025. Bahagian CE disasarkan mencapai 40% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2025 berbanding 34.8% pada tahun 2020.

Usaha akan dipertingkatkan untuk menggalakkan aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan menarik lebih banyak pelaburan dalam industri berintensifkan pengetahuan. Ini bertujuan

merangsang pewujudan pekerjaan mahir dan berpendapatan tinggi. Inisiatif untuk meningkatkan produktiviti buruh akan terus diberi penekanan melalui penerimagaunaan teknologi termaju yang lebih menyeluruh serta peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga kerja.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memaklumkan berkenaan dengan peralihan dasar sosioekonomi negara daripada pengelasan B40, M40 dan T20 kepada pendapatan boleh belanja isi rumah, dengan izin (*net disposable income*). Ini bagi membolehkan Kerajaan membuat peralihan daripada subsidi menyeluruh kepada subsidi bersasar yang lebih tepat. Inisiatif ini mampu direalisasikan dengan kerjasama pelbagai agensi melalui perkongsian data dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

PADU merupakan inisiatif di bawah Anjakan Besar Subsidi Bersasar berdasarkan KSP RMKe-12 yang dibangunkan sebagai rujukan berpusat bagi menyasarkan bantuan. PADU juga akan digunakan sebagai rujukan utama untuk bantuan sosioekonomi yang merangkumi program pembasmian kemiskinan dan subsidi bersasar.

PADU yang dijadual dilancarkan pada bulan Januari 2024 akan mengintegrasikan data mikro daripada pelbagai agensi Kerajaan bagi mewujudkan profil data individu dan isi rumah bagi seluruh rakyat Malaysia. Pelaksanaan PADU dijangka akan meminimumkan pertindanan dari segi pengagihan bantuan dan subsidi oleh pelbagai agensi Kerajaan.

Berdasarkan data daripada PADU, penentuan kumpulan sasar akan lebih tepat dan memenuhi objektif pelaksanaan sesuatu dasar. Kriteria dalam menentukan kumpulan sasar akan dilihat daripada pelbagai aspek, termasuk pendapatan, bilangan isi rumah dan tanggungan, lokaliti dan jarak ke tempat kerja serta pemilikan aset. Melalui kaedah ini, Kerajaan tidak lagi menumpukan kepada kumpulan pendapatan tertentu terutama B40, tetapi lebih melihat kepada kewajaran pemberian bantuan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Peralihan kepada subsidi bersasar dijangka akan dapat meringankan beban golongan yang terkesan seperti golongan B40 dan M40 yang terkesan akibat peningkatan kos sara hidup. Hal ini memandangkan bantuan yang lebih bermakna akan dapat disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Sebaik sahaja PADU dilancarkan pada Januari 2024, penglibatan rakyat amat diperlukan untuk menyemak dan mengemas kini data yang terdapat dalam PADU. Pengemaskinian ini membolehkan Kerajaan mempunyai maklumat terkini dan mengambil langkah segera bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menerima bantuan selayaknya. Selain itu, data yang berdasarkan masa sebenar, dengan izin (*real time*) yang terdapat dalam PADU akan dapat memastikan set data kumpulan sasar yang terkini dan sentiasa dikemas kini. Langkah ini juga akan mengurangkan ralat kemasukan dan penyisihan. Oleh yang demikian, kerjasama semua rakyat adalah penting dan amat diperlukan bagi memastikan usaha ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID

[PADANG TERAP]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk membantu para penternak atau pengusaha lembu yang menghadapi masalah kemerosotan jualan lembu khususnya menjelang hari raya korban tahun ini sehingga 20 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kemerosotan jualan lembu menjelang hari Raya Korban tahun ini adalah disebabkan permintaan yang rendah berbanding tahun sebelum ini, kerana pembeli memilih untuk:

- (i) tidak membeli ternakan pada harga semasa penawaran; dan
- (ii) memilih menjalankan ibadah korban di luar negara kerana kos yang lebih murah.

Oleh yang demikian bagi memastikan industri penternakan lembu negara menjadi lebih kompetitif, fokus utama KPKM adalah bagi memastikan produktiviti pengeluaran lembu dapat ditingkatkan untuk menjamin bekalan daging di dalam negara dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber daging import. Ianya adalah selaras

NO. SOALAN: 30

dengan dasar Agromakanan negara 2021 – 2030 (DAN 2.0) yang menetapkan Kadar Sara Diri (SSR) bagi daging dinaikkan kepada 50% menjelang 2030. Antara strategi yang dirangka adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan bilangan induk pembiak yang produktif;
- (ii) menggalakkan penglibatan penternak tenu� dalam pengeluaran daging melalui kaedah *Beef in Dairy Line*;
- (iii) meningkatkan pengeluaran lembu fidlot melalui pengekalan dan pengukuhan kawasan pengeluaran lembu fidlot;
- (iv) melibatkan penternak muda/ belia dalam bidang penternakan lembu pedaging;
- (v) menggalakkan pengusaha atau penternak tempatan untuk menanam makanan ternakan;
- (vi) menggalakkan penternak menghasilkan lembu pedaging kacukan;
- (vii) meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Jurupermanian Beradas Swalaku di lapangan; dan
- (viii) meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan serta capaian kepada perkhidmatan teknikal veterinar.

Kerajaan percaya industri ternakan lembu yang kompetitif akan memberi pendapatan tambahan kepada penternak yang terlibat melalui peningkatan pengeluaran daging disamping memberi akses kepada bekalan yang lebih stabil dengan harga yang munasabah kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
[BATANG LUPAR]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pencapaian pelaksanaan program smart sawah berskala besar di kawasan iada batang luper serta status penubuhan kilang benih dan jual beli padi di stumbin serta sejauh manakah program ini dapat menyumbang kepada meningkatkan pengeluaran padi dan kadar sara diri beras di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Luper telah ditubuhkan pada tahun 2014 sebagai peneraju utama jelapang padi Sarawak. Ia diwujudkan bagi meningkatkan Kadar Sara Diri, *Self Sufficiency Ratio* (SSR) beras negara dan fokus diberikan kepada pembangunan jelapang padi yang merangkumi kawasan di Stumbin, Tanjung Bijat, Gran, Entulang, Seduku dan Lingga-Banting. Cadangan pelaksanaan pembangunan jelapang padi di kawasan ini adalah berdasarkan kesesuaian tanah dan kawasan bertanam padi sedia ada yang luas serta jumlah penglibatan pesawah yang memberangsangkan.

Di Sarawak, program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dilaksanakan di bawah seliaan IADA Batang Lutar dengan kerjasama Syarikat Peneraju iaitu Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan Advansia (Sarawak) Sdn. Bhd. Program SMART SBB ini dilaksanakan di Blok C, Tanjung Bijat dengan kawasan tanaman padi seluas 196 hektar melibatkan seramai 245 orang peserta bagi kedua-dua musim tersebut. Ia telah berjaya meningkatkan pendapatan pesawah sehingga 50 peratus dan meningkatkan purata hasil padi sekitar 4.3 hingga 4.8 tan metrik per hektar. Penggunaan mekanisasi ladang serta benih padi varieti moden yang diaplikasikan oleh pemain industri telah menyumbang kepada peningkatan produktiviti tersebut.

Selain itu, pesawah juga didedahkan kepada amalan pertanian yang baik bagi membentuk disiplin kerja yang lebih berkesan dan produktif serta membuka ruang kepada pembangunan infrastruktur asas seperti sistem pengairan yang moden.

Bagi menjawab persoalan berkaitan status terkini Pusat Pemprosesan dan Pengeluaran Benih Padi Sah (SPPC) Stumbin, Sri Aman, Sarawak, ia sedang dalam peringkat akhir penyediaan kertas kerja sebagai pajakan kepada pihak BERNAS. Matlamat utama yang ingin dicapai melalui kolaborasi KPKM-BERNAS ini adalah untuk menjamin pengoperasian SPPC Stumbin supaya lebih berdaya maju dan kekal lestari. Dalam hal ini, memandangkan ketiadaan kilang padi yang bersesuaian untuk menampung pengeluaran padi berskala besar di Sarawak, turut dicadangkan supaya Kilang Benih Padi Sah (SPPC) tersebut dinaik taraf sebagai Pusat Belian dan Kilang Padi Komersil. Justeru, pengoperasian sistematik yang dilaksanakan oleh BERNAS ini sebagai langkah awal yang diambil dalam usaha mewujudkan jelapang padi moden dan berskala besar di Sarawak.

Dalam perkara ini, IADA Batang Lutar selaku agensi utama di Sarawak akan terus memainkan peranan utama dan berganding bahu bersama-sama jabatan, agensi dan pemain industri yang berkaitan bagi memastikan subsektor padi dan beras khususnya di Kawasan Jelapang Padi Batang Lutar dapat mencapai matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti bekalan makanan negara pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN
[BACHOK]
TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan proaktif yang telah diambil Kerajaan dalam tempoh 6 bulan yang lalu bagi menarik pelaburan berkualiti dan nyatakan kejayaan yang diperoleh setakat hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil tindakan proaktif bagi menarik pelaburan berkualiti dalam mengekalkan dan menambah baik kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama. Sepanjang tempoh enam bulan yang lalu, kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menarik pelaburan berkualiti seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan dasar baharu selari dengan perkembangan teknologi dan pembangunan industri semasa iaitu:
 - (a) Pelancaran Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang menekankan 4 misi iaitu:
 - Misi 1: Memajukan kompleksiti ekonomi (*Advance economic complexity*);

- Misi 2: Meningkatkan teknologi untuk membina negara berdigital (*Tech up for a digitally vibrant nation*);
 - Misi 3: Usaha ke arah mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih (*Push for net zero*); dan
 - Misi 4: Menjamin sekuriti dan keterangkuman ekonomi (*Safeguard economic security and inclusivity*);
- (b) NIMP 2030 juga telah menetapkan sasaran berdasarkan hasil (*outcome-based targets*) termasuklah meningkatkan daya saing negara menerusi produk kompleks bernilai tambah tinggi serta kadar gaji median yang lebih tinggi untuk sektor perkilangan.
- (ii) Melaksanakan inisiatif pendigitalan di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi kelulusan secara atas talian dengan tandatangan digital, beserta pemakaian *Digital Organisation Trustmark Seal* (cop mohor digital) ke atas Sijil Lesen Pengilang (*Manufacturing Licence*) di bawah Akta Penyelarasaran Perindustrian 1975, Sijil Kebenaran (Permit) di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974, dan Sijil Perakuan Perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986. Inisiatif ini adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian MIDA dalam menyediakan perkhidmatan atas talian sepenuhnya iaitu secara *end-to-end* kepada para pelabur, serta memperkuuh dan memantapkan keselamatan dan integriti dokumen digital;
- (iii) Menubuhkan mesyuarat Majlis Pelaburan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri yang berperanan sebagai badan eksekutif tertinggi dalam merencanakan agenda berkaitan pelaburan sekaligus memastikan tadbir urus pelaburan negara diperkasakan. Antara perkara yang telah diputuskan di dalam MPN termasuklah penyusunan semula ekosistem Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) negara, pelaburan langsung domestik (DDI) sebagai antara petunjuk prestasi utama (KPI) bagi menjana jumlah pelaburan DDI di dalam negara dan pengaktifan semula Jawatankuasa Koordinasi Pelaburan di antara

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan kesemua IPA; dan

- (iv) Sepanjang tempoh Januari hingga September 2023, sebanyak empat Misi Perdagangan dan Pelaburan telah dijalankan yang melibatkan 4 negara. MIDA telah berjaya mendapatkan komitmen pelaburan langsung asing (FDI) berjumlah RM23.07 bilion melalui misi pelaburan ke Jepun, RM170 bilion melalui misi pelaburan ke China, RM24 bilion melalui misi pelaburan ke Republik Korea dan RM13 bilion melalui misi pelaburan ke Singapura. Sebanyak RM118.21 billion (51.38 peratus) daripada jumlah komitmen pelaburan iaitu RM230.07 bilion dijangka akan dimuktamadkan pada tahun yang sama.

Melalui usaha berterusan ini, Malaysia telah berjaya menarik sejumlah RM132.6 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan utama yang melibatkan 2,651 projek dan dijangka mewujudkan 51,853 peluang pekerjaan di negara ini bagi tempoh Januari hingga Jun 2023. Pelaburan langsung domestik (DDI) merupakan penyumbang utama dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM69.3 bilion (52.2%), manakala pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang sebanyak RM63.3 bilion (47.8%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TS. ZAHIR BIN HASSAN (WANGSA MAJU)

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TS. ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KERJA RAYA menyatakan:**

- (a) apakah peringkat pelaksanaan sistem *Multi Lane Fast Flow* (MLFF); dan
- (b) bilakah perjanjian perlantikan ditandatangani dan siapa pihak yang telah dilantik dan apakah terma-terma utama terkandung dalam perjanjian perlantikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Pelaksanaan sistem kutipan tol secara *Multi Lane Fast Flow* (MLFF) sepetimana yang diumumkan akan dilaksanakan secara penswastaan melalui kaedah kerjasama awam swasta (*Public Private Partnership*, PPP) dengan menggunakan kaedah *Built Operate Transfer* (BOT).

Pada masa ini, Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang memuktamadkan struktur tadbir urus bagi pelaksanaan MLFF ini. Cadangan struktur tadbir urus ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan selanjutnya. Selain itu, ia juga sedang berada di peringkat kajian undang-undang yang berkaitan dengan pelaksanaan MLFF ini.

(b) Perjanjian Perlantikan (*Appointment Agreement* - AA) di antara pihak Kerajaan dan Syarikat pencadang telah ditandatangani pada 17 November 2022.

Walau bagaimanapun, pihak-pihak adalah terikat dengan Klausu '*Confidentiality*' di dalam perjanjian tersebut di mana terma-terma perjanjian tidak boleh didedahkan melainkan terdapat persetujuan bersama di antara pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam menangani kekurangan stok beras tempatan yang berpunca daripada tangan-tangan kartel terutamanya di Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Kawalselia Padi dan Beras sentiasa mengawal aktiviti urusniaga padi dan beras di pasaran melalui pengeluaran beberapa jenis lesen yang aktif sehingga 2 Oktober 2023 seperti 153 lesen kilang padi komersial, 1,424 lesen pemborong dan 35,107 lesen peruncit. Lesen-lesen yang dikeluarkan memastikan bahawa pembekalan yang cekap dan efisien serta persaingan yang sihat untuk kebajikan petani.

Walaubagaimanapun, Kementerian cakna mengenai isu kekurangan beras putih tempatan (BPT) di pasaran. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menangani kekurangan stok beras tempatan. Antara

langkah yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah kekurangan beras adalah seperti berikut:

- (i) melancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan secara konsensus bersama pengilang beras untuk pengeluaran tambahan 20 peratus stok pengilang padi secara berfasa iaitu :

Fasa 1: Pelaksanaan mulai 8 September 2023 melibatkan 5 syarikat pemborong utama; dan

Fasa 2: Pelaksanaan mulai 15 September 2023 melibatkan 103 syarikat pemborong.

- (ii) mengadakan sesi libat urus KPKM bersama Persatuan Restoran Pengusaha Makanan dan Penjaja Kecil pada 15 September 2023. Sesi ini telah mencapai persetujuan untuk memberi tawaran lesen borong kepada pengusaha makanan yang bernaung di bawah persatuan perniagaan. Melalui lesen borong ini pengusaha makanan dapat menikmati harga belian BPI pada harga borong tetap iaitu RM160/50kg (harga pintu Gudang);

- (iii) melibatkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam pengedaran jualan runcit secara langsung melalui platform dan ruang perniagaan yang dimiliki oleh kedua-dua agensi ini yang menyasarkan kawasan luar bandar dan pedalaman;

- (iv) pada masa yang sama, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan 4 langkah intervensi tambahan seperti berikut:

- (a) pemerkasaan edaran BPT melalui FAMA dan LPP akan diperluaskan dengan meningkatkan pengedaran di kawasan pinggir bandar dan luar bandar termasuk kedai-kedai runcit;

- (b) pemberian subsidi sebanyak RM950 per tan metrik bagi BPI di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak mulai 5 Oktober 2023. Melalui kaedah ini, harga runcit BPI di

kedua-dua negeri akan menjadi pada kadar harga maksima RM31 bagi setiap kampit 10kg;

- (c) memastikan pembekalan perolehan di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan BPI di mana pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 per tan metrik (harga pintu gudang) dan ianya tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan; dan
- (d) melancarkan *Task Force Khas Bersepadu Penguatkuasaan Operasi Beras Putih (OP BPT)* yang melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Operasi secara bersepadu akan diketuai oleh YBTM KPKM dan memberi fokus kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan menyeluruh di semua peringkat rantaian pembekalan BPT termasuk kilang-kilang besar dan stor-stor pemborong serta peruncit.

Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati menukar kampit atau mencampurkan BPT dan BPI atau menyorokkan BPT. Kerajaan menjangkakan kesukaran memperolehi beras ini dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat memandangkan penuaian padi di jelapang padi utama akan selesai pada penghujung Oktober, sekali gus menyumbang kepada peningkatan BPT dalam pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah persediaan yang dibuat oleh Kerajaan Sabah untuk memastikan agar kerangka urus tadbir bekalan elektrik apabila hal bekalan elektrik *di-assignkan* balik ke Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peralihan kuasa kerangka urus tadbir bekalan elektrik Sabah dibincangkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bil. 1/2023 pada 12 Jun 2023 dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bil. 1/2023 pada 21 Julai 2023 mengenai Penyerahan Kuasa Pembekalan Elektrik Negeri Sabah dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah (KNS). Mesyuarat ini telah dipengerusikan secara bersama oleh Kerajaan Persekutuan dengan KNS serta dihadiri oleh kementerian dan agensi pusat daripada Kerajaan Persekutuan serta agensi-agensi daripada KNS.
2. Kerajaan Persekutuan akan mewartakan Perintah di bawah Perkara 95C serta penggantungan penguatkuasaan akta-akta berkaitan pembekalan elektrik di negeri Sabah berkuatkuasa pada 3 Januari 2024 seperti berikut:
 - a. Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447];
 - b. Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610];
 - c. Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725]; dan
 - d. Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 [Akta 726].
3. Kerajaan Negeri Sabah telah membuat persediaan yang sewajarnya untuk menyambut peralihan kuasa pembekalan elektrik di negeri Sabah seperti berikut:
 - (i) menyediakan Draf Enakmen Bekalan Elektrik Negeri Sabah bagi menyambut peralihan kuasa dan penggantungan akta-akta yang berkaitan;
 - (ii) melancarkan Energy Sabah Roadmap pada 19 September 2023 yang telah menetapkan sasaran dan hala tuju industri bekalan elektrik di negeri Sabah;
 - (iii) mewujudkan Unit Tenaga Negeri Sabah di bawah kawal selia Pejabat Ketua Menteri Sabah yang berperanan sebagai pengantara di antara *Energy Commission of Sabah* (ECoS) dengan KNS serta bertanggungjawab dalam penggubalan dasar dan polisi mengenai pembekalan elektrik di negeri Sabah;

NO. SOALAN: 35

- (iv) mewujudkan dan memperkuuhkan ECoS sebagai agensi kawal selia (regulator) Industri Bekalan Elektrik di negeri Sabah. Sehingga Ogos 2023, ECoS telah melaksanakan pengambilan 89 kakitangan dan mensasarkan pengambilan secara berfasa sehingga mencapai 100 kakitangan berkhidmat di ECoS; dan
- (v) ECoS juga turut memperkuuhkan pengoperasian tadbir urus dengan menyediakan kemudahan logistik, pelantikan anggota suruhanjaya, penyediaan prosedur dalaman dan urusan pentadbiran untuk mengambil alih kawal selia bekalan elektrik dan Tenaga Boleh Baharu (TBB).

4. Bagi Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB), syarikat utiliti ini masih lagi beroperasi sebagai syarikat utiliti di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan penyerahan SESB kepada KNS hanya akan dilaksanakan setelah pelan transformasi SESB selesai yang dijangka pada tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN
ABDULLAH [ROMPIN]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah strategik ke arah mengatasi isu bekalan beras tempatan sebagai makanan asas dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang giat melaksanakan pelbagai langkah intervensi untuk mengatasi isu bekalan beras tempatan. Antara langkah intervensi jangka masa pendek yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah kekurangan beras adalah seperti berikut:

- (i) Operasi Beras Putih Tempatan (OP BP), Operasi Jamin (OP JAMIN) iaitu kolaborasi secara strategik dengan KPDN, menguatkuasakan Arahan Had Pembelian Maksimum kepada pembeli sebagaimana dalam Peraturan 10(1)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 dan pelbagai sesi libat urus untuk mendapatkan input daripada kesemua pihak berkepentingan dalam industri bagi meredakan kebimbangan mengenai kekurangan BPT dalam pasaran;
- (ii) melancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan secara konsensus bersama pengilang beras untuk pengeluaran tambahan 20 peratus stok pengilang padi secara berfasa iaitu:
 - Fasa 1: Pelaksanaan mulai 8 September 2023 melibatkan 5 syarikat pemborong utama; dan
 - Fasa 2: Pelaksanaan mulai 15 September 2023 melibatkan 103 syarikat pemborong.

- (iii) mengadakan sesi libat urus KPKM bersama Persatuan Restoran Pengusaha Makanan dan Penjaja Kecil pada 15 September 2023. Sesi ini telah mencapai persetujuan untuk memberi tawaran lesen borong kepada pengusaha makanan yang bernaung di bawah persatuan perniagaan. Melalui lesen borong ini pengusaha makanan dapat menikmati harga belian BPI pada harga borong tetap iaitu RM160/50kg (harga pintu Gudang);

NO. SOALAN: 36

- (iv) melibatkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam pengedaran jualan runcit secara langsung melalui platform dan ruang perniagaan yang dimiliki oleh kedua-dua agensi ini yang menyasarkan kawasan luar bandar dan pedalaman; dan
- (v) pada masa yang sama, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan 4 langkah intervensi tambahan seperti berikut:
 - (a) pemerkasaan edaran BPT melalui FAMA dan LPP akan diperluaskan dengan meningkatkan pengedaran di kawasan pinggir bandar dan luar bandar termasuk kedai-kedai runcit;
 - (b) pemberian subsidi sebanyak RM950 per tan metrik bagi BPI di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak mulai 5 Oktober 2023. Melalui kaedah ini, harga runcit BPI di kedua-dua negeri akan menjadi pada kadar harga maksima RM31 bagi setiap kampit 10kg;
 - (c) memastikan pembekalan perolehan di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan BPI di mana pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 per tan metrik (harga pintu gudang) dan ianya tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan; dan
 - (d) melancarkan *Task Force Khas Bersepadu Penguatkuasaan Operasi Beras Putih (OP BPT)* yang melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Operasi secara bersepadu akan diketuai oleh YBTM KPKM dan memberi fokus kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan menyeluruh di semua peringkat rantaian

pembekalan BPT termasuk kilang-kilang besar dan stor-stor pemborong serta peruncit.

Antara langkah intervensi jangka masa sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran beras negara adalah seperti berikut:

(i) Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)

Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian menakjubkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemutuan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20%; lonjakan penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian; dan sebagainya;

(ii) Program SMART SBB Model Mini Sekinchan

Program SMART SBB bagi model Ala Sekinchan telah terbukti mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan mengaplikasikan amalan pertanian baik daripada kawasan Sekinchan, Selangor. Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanan dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil sebelumnya sebanyak 7.00 tan metrik per hektar sahaja;

(iii) Pemerkasaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi

Kerajaan turut meluluskan peruntukan projek pengairan sebanyak RM3 bilion bagi menjayakan projek penanaman padi lima musim dalam dua tahun berskala besar dengan menyediakan infrastruktur seperti sistem pengairan dan jalan di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 201,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun;

(iv) Kerjasama Penyelidikan

KPKM melalui MARDI turut berkerjasama dengan IPT dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem;

Memandang ke hadapan, Kerajaan akan meluaskan lagi pelaksanaan program SMART SBB terutamanya model Ala Sekinchan ke seluruh negara; menambah keluasan jelapang padi negara terutamanya di Sabah dan Sarawak; meluaskan rangkaian penyelidikan dan pembangunan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), institusi pengajian tinggi dan sebagainya.

Setiap dimensi keterjaminan makanan perlu dititikberatkan bagi memastikan setiap rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan selamat pada harga yang berpatutan. Justeru, selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan tahap keterjaminan makanan negara selaras dengan konsep *Food Security is a Shared Responsibility*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kajian di peringkat antarabangsa tahun 2008 memaklumkan nilai simpanan tenaga ombak adalah 2 kali ganda penggunaan tenaga elektrik dunia. Adakah tenaga ombak akan digunakan untuk mengganti tenaga arang batu dan fosil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan terbuka untuk menerima sebarang teknologi penjanaan elektrik yang mempunyai kos yang kompetitif bagi memastikan tarif elektrik kepada pengguna adalah mampu bayar.
2. Oleh itu, Kerajaan pada dasarnya, tiada halangan sekiranya terdapat cadangan komersial yang berdaya maju untuk menjana elektrik dari tenaga ombak menggantikan sumber penjanaan tenaga dari sumber arang batu dan fosil pada kos yang munasabah di masa akan datang.
3. Walau bagaimanapun, secara logiknya tenaga ombak ini akan melibatkan aspek pembangunan infrastruktur *offshore* yang kompleks serta kos yang tinggi. Sehubungan itu, pembangunan tenaga ombak dilihat sebagai kurang berdaya maju dan '*feasible*' berbanding sumber penjanaan yang lain ekoran kos yang sangat tinggi dan tidak ekonomik untuk dilaksanakan pada masa sekarang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- a) status terkini program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) bagi setiap negeri dan sejauh mana sasaran tercapai; dan
- b) adakah Kementerian menyediakan peruntukan tambahan serta mohon senaraikan mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mensasarkan pembinaan denai sepanjang 1,000km bagi tahun 2023. Sehingga September 2023, sepanjang 1,248km DSK telah berjaya dibina dengan pecahan pencapaian bagi setiap negeri adalah seperti berikut:

| Negeri | Panjang Denai (km) |
|-------------------|---------------------------|
| Johor | 83.27 |
| Kedah | 281.21 |
| Kelantan | 393.98 |
| Melaka | 67.84 |
| Negeri Sembilan | 59.57 |
| Pulau Pinang | 94.45 |
| Pahang | 17.74 |
| Perak | 40.32 |
| Perlis | 25.36 |
| Sabah | 16.18 |
| Sarawak | 6.61 |
| Selangor | 26.48 |
| Terengganu | 38.29 |
| W.P. Kuala Lumpur | 54.70 |
| W.P. Labuan | 1.74 |
| W.P. Putrajaya | 40.54 |
| JUMLAH | 1,248.28km |

2. Kementerian tidak bercadang untuk memohon peruntukan tambahan bagi pelaksanaan projek DSK bagi tahun 2023. Walau bagaimanapun, Kementerian telah memohon peruntukan dalam cadangan inisiatif utama bagi Belanjawan 2024.
3. Projek Denai Sungai Kebangsaan (DSK) merupakan program berbentuk pemerksaan komuniti yang melibatkan penglibatan semua pihak. Pelaksanaan DSK tidak hanya tertakluk kepada peruntukan kerajaan semata-mata, malah boleh diteruskan dengan penglibatan pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan, mahupun komuniti setempat.
4. Kerajaan telah menyediakan dana di peringkat permulaan untuk merancakkan pembinaan DSK. Pada masa yang sama, Kementerian turut menggalakkan penglibatan pihak-pihak luar untuk sama-sama membangunkan DSK di kawasan setempat masing-masing, dengan nasihat pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Kementerian sangat menggalakkan agar ia dibangunkan secara *corporate social responsibility* (CSR) dengan kerjasama pihak-pihak swasta atau badan-badan bukan kerajaan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkara yang akan dipertimbangkan oleh Kementerian Ekonomi dalam meluluskan satu projek pembangunan dan pendirian sama ada Kementerian dapat meluluskan projek menaik taraf Lapangan Terbang Miri yang telah dipohon oleh Kementerian Pengangkutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertimbangan terhadap sesuatu projek pembangunan adalah berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan pelaksanaan sesuatu projek. Bagi projek menaik taraf Lapangan Terbang Miri, permohonan mengenainya telah diterima daripada Kementerian Pengangkutan (MOT) dan sedang dalam pertimbangan di bawah *Rolling Plan 4*, RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan strategi lautan biru Bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi pembangunan semula Laman Changkat Jering yang pada pemantau saya baru-baru ini September 2023, bangunan ini terus terbiar, bumbung dan syiling semakin rosak teruk, pendawaian elektrik sudah tidak selamat dan bangunan menjadi sarang kelawar, burung merpati dengan dipenuhi najis tercemar. Adakah kelulusan RM2 juta oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan pada 9 Ogos 2020 yang lalu dan pelawaan tawaran tender pada 14 Oktober 2022 sebelum ini boleh dipertimbang dan dibuka semula oleh Kerajaan Madani.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bangunan Laman Changkat Jering (LCJ) telah dicadangkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk dijadikan sebagai salah satu Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Produk Industri Makanan (FISHPRO). Pengoperasian LCJ sebagai FISHPRO adalah secara kerjasama antara Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sebagai penyewa dengan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) selaku pemilik bangunan.

Cadangan tersebut melibatkan perolehan secara tender bagi kerja-kerja menaik taraf bangunan dan pada 7 November 2022, pihak LKIM telah menyelesaikan proses pelawaan tender. Namun, proses perolehan tersebut tidak dapat diteruskan ke peringkat berikutnya susulan satu notis penamatan penyewaan yang dikeluarkan oleh pihak MPT kepada LKIM pada 24 Februari 2023. Oleh yang demikian, Kementerian dan LKIM tidak berhasrat untuk memperbaharui penyewaan bangunan LCJ serta tidak meneruskan cadangan menaik taraf bangunan berkenaan sebagai Pusat FISHPRO.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan harga barang asas seperti ayam, telur dan beras tidak meningkat kerana persekitaran ekonomi global yang dijangka tidak menentu sehingga tahun hadapan.

JAWAPAN

Bagi mengukuhkan keterjaminan makanan, Kementerian telah menjalankan langkah jangka pendek, sederhana dan panjang seperti berikut:

Bagi barang asas seperti **ayam dan telur**:

- (i) Langkah jangka pendek termasuklah:
 - (a) meneruskan pemansuhan Approved Permit (AP) bagi ayam bulat dan keratan ayam mulai 18 Mei 2022;
 - (b) membenarkan pengimportan telur ayam dari negara sumber baharu seperti Thailand; dan
 - (c) melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepada di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) yang diketuai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi mengelakkan sebarang manipulasi harga dan aktiviti pengambilan untung secara berlebihan dari pihak yang terlibat dalam rantaian bekalan ayam dan telur;
- (ii) Langkah jangka sederhana:
 - (a) menjalankan kerjasama dengan syarikat swasta, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), koperasi dan sebagainya yang berminat melabur dalam pembangunan industri jagung bijian yang merupakan sumber bahan utama mentah bagi industri penternakan ayam; dan
 - (b) mewujudkan ladang kontrak dengan usahawan-usahawan jagung bijian dan syarikat-syarikat pemprosesan jagung bijian.
- (iii) Langkah jangka panjang;

NO. SOALAN: 41

- (a) mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara menjelang tahun 2032;
- (b) menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berdasarkan isirung sawit seperti PKC/PKE;
- (c) melaksanakan kajian bagi makanan ternakan ayam berdasarkan sumber alternatif seperti larva *Black Soldier Fly* (BSF), *Kaliandra*, *Indigofera*, Petai Belalang, *Stylosanthes*, *Murungai* dan *Pueraria Phaseoloides* oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI); dan
- (d) menawarkan pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta kepada penternak ayam melalui Dana Pembentukan Agromakanan.

Bagi barang asas seperti **beras**:

- (i) Langkah jangka pendek dan sederhana;
 - (a) penyaluran kos pengangkutan kepada FAMA dan LPP bagi meningkatkan pengedaran Beras Putih Tempatan (BPT) ke kawasan pinggir bandar dan luar bandar termasuk ke kedai-kedai runcit dalam menangani krisis gangguan bekalan makanan;
 - (b) semua perolehan pembekalan BPT di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan Beras Putih Import (BPI) dan pihak pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 per tan metrik (harga pintu gudang) dalam kampit 50kg dan ia tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan; dan
 - (c) menubuhkan Task Force Khas melibatkan pelbagai agensi meliputi Kawal Selia Padi dan Beras (KPB), KPKM, Polis

Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bagi pemeriksaan menyeluruh di peringkat rantaian industri termasuk semua kilang beras dan stor pemborong beras.

- (ii) Langkah jangka panjang;
- (a) memperluaskan pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dengan kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju;
 - (b) merancang SMART SBB bagi model Ala Sekinchan dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar menggunakan jentera terkini seperti jentanan dan penggunaan dron pertanian;
 - (c) peruntukan projek pengairan sebanyak RM3 bilion bagi menjayakan projek penanaman padi lima musim dalam dua tahun berskala besar serta menyediakan infrastruktur seperti sistem pengairan dan jalan di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 201,000 hektar;
 - (d) kerjasama MARDI dan IPT dalam bidang penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem;
 - (e) menambah keluasan jelapang padi negara terutamanya di Sabah dan Sarawak; dan
 - (f) meluaskan rangkaian penyelidikan dan pembangunan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), institusi pengajian tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apa inisiatif Kementerian bagi meningkatkan semula subsidi minyak diesel kepada pengusaha bot nelayan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPBM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah diluluskan kuota diesel bersubsidi kepada nelayan berjumlah 70 juta liter sebulan pada tahun 2023 di bawah Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan. Pelaksanaan Skim ini adalah bagi membantu nelayan Zon A, B dan C untuk menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan akibat kenaikan harga minyak. Pada masa ini, Kerajaan masih mengekalkan jumlah kuota diesel bersubsidi nelayan dan tidak bercadang untuk menambah kuota tersebut. Sebarang cadangan untuk menambah kuota tersebut perlu mengambil kira kedudukan dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah komposisi sumber tenaga elektrik negara kita dan apakah projeksinya menjelang tahun 2030. Apakah angka terperinci bagi setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di peringkat Kementerian, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pelaksanaan dan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) yang dipengerusikan oleh YB Menteri yang bertanggungjawab dalam pembekalan elektrik negara dan dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali dalam tempoh setahun. JPPPET memainkan peranan-peranan berikut:
 - i. menentukan perancangan pembekalan tenaga elektrik serta hala tuju industri bekalan elektrik negara, yang merangkumi Semenanjung dan Sabah (termasuk Wilayah Persekutuan Labuan). Walau bagaimanapun, bagi negeri Sarawak, ia tertakluk kepada Ordinan Elektrik Sarawak tahun 1999;
 - ii. menentukan dasar mengenai campuran bahan api (*fuel mix*) untuk kegunaan sektor elektrik agar sumber tenaga negara dapat digunakan secara optimum;
 - iii. menentukan dasar mengenai keselamatan bahan api (*fuel security*) bagi industri penjanaan bekalan elektrik; dan
 - iv. mengkaji semula serta menyusun industri bekalan elektrik.
2. Melalui JPPPET, unjuran Pelan Pembangunan Penjanaan (*Power Development Plan – PDP*) untuk tempoh 20 tahun akan datang telah dirancang berdasarkan kepada unjuran permintaan keperluan bekalan elektrik di Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Perancangan pembekalan elektrik melalui PDP ini menekankan keseimbangan elemen-elemen yang dinyatakan di dalam *energy trilemma* iaitu *Energy Security, Sustainability* dan *Affordability*.
3. Berdasarkan kepada PDP yang telah diluluskan dalam Mesyuarat JPPPET tahun 2022 pada 7 Februari 2023, pecahan campuran kapasiti sumber tenaga elektrik pada tahun 2023 di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Pecahan Campuran Kapasiti Sumber Tenaga Elektrik pada Tahun 2023 di Semenanjung, Sabah dan Sarawak

| Bil. | Jenis Sumber Tenaga | Semenanjung (MW) | Sabah (MW) | Sarawak (MW) |
|---------------|-------------------------------|------------------|-----------------|--------------|
| 1. | Arang Batu | 12,061 | - | 901 |
| 2. | Gas | 12,573 | 961.38 | 1,050 |
| 3. | Tenaga Boleh Baharu | 6,732 | 120.25 | 3,558 |
| 4. | Diesel/ Medium Fuel Oil (MFO) | - | 465.98 | 56 |
| JUMLAH | | 31,366 | 1,547.61 | 5,565 |

Manakala, pecahan unjuran campuran kapasiti sumber tenaga elektrik pada tahun 2030 di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah seperti

Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Pecahan Unjuran Campuran Kapasiti Sumber Tenaga Elektrik pada Tahun 2030 di Semenanjung, Sabah dan Sarawak

| Bil. | Jenis Sumber Tenaga | Semenanjung (MW) | Sabah (MW) | Sarawak (MW) |
|---------------|-------------------------------|------------------|-----------------|--------------|
| 1. | Arang Batu | 10,580 | - | 821 |
| 2. | Gas | 14,415 | 1,164 | 3,519 |
| 3. | Tenaga Boleh Baharu | 12,714 | 988.05 | 4,843 |
| 4. | Diesel/ Medium Fuel Oil (MFO) | - | - | - |
| JUMLAH | | 37,709 | 2,152.05 | 9,183 |

4. Berdasarkan kepada campuran kapasiti sumber penjanaan tenaga elektrik negara pada tahun 2023, negara bergantung kepada dua sumber bahan api fosil utama, iaitu gas dan arang batu. Sumber bahan api fosil ini adalah penting bagi memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap serta mengekalkan kos penjanaan yang kompetitif.
5. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada unjuran campuran kapasiti sumber penjanaan tenaga elektrik negara pada tahun 2030, negara dijangka akan bergantung kepada sumber gas dan tenaga boleh baharu (TBB). Peralihan sumber penjanaan berdasarkan arang batu kepada TBB adalah selaras dengan komitmen Kerajaan di bawah Perjanjian Paris 2015 untuk mengurangkan 45% intensiti pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gas*) menjelang tahun 2030 berbanding intensiti pada tahun 2005 dan mencapai aspirasi sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050.
6. Selain itu, peningkatan kapasiti sumber TBB dalam penjanaan tenaga elektrik juga adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Mei 2023 yang telah bersetuju supaya kapasiti penjanaan TBB ditingkatkan kepada kira-kira 70% menjelang tahun 2050. Peningkatan kapasiti TBB ini juga akan membolehkan lebihan kapasiti yang dijana, didagangkan merentas sempadan dengan negara jiran di rantau ini berdasarkan mekanisme yang akan ditetapkan Kerajaan, seterusnya menjayakan hasrat untuk merealisasikan agenda ASEAN Power Grid (APG).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta Menteri Ekonomi menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan RM750 juta di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang disalurkan untuk Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN); dan
- (b) senarai projek yang telah berjaya dilaksanakan di bawah inisiatif tersebut terutamanya di Kuala Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Secara dasarnya, Kementerian Ekonomi telah menetapkan sasaran untuk membantu sekurang-kurang 100,000 peserta daripada isi rumah miskin tegar, miskin dan B40 terutama bagi 3 inisiatif rintis di bawah IPR iaitu **Inisiatif Usahawan Tani (INTAN)**, **Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN)** dan **Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN)**. Ketiga-tiga inisiatif rintis ini dikenal pasti bagi menjana pendapatan secara mampan dan pada masa yang masa membantu mengatasi isu utama yang dibangkitkan pada masa ini. Ini termasuk mengatasi isu kos sara hidup yang tinggi, isu import bahan makanan yang tinggi dan isu pergantungan yang tinggi kepada buruh asing.

Berdasarkan anggaran awal, 20% daripada peruntukan tahun ini adalah untuk INSAN, 50% diperuntukkan di bawah INTAN dan 30% untuk IKHSAN.

Sehingga 10 Oktober 2023, sejumlah kira-kira RM131.4 juta telah disalurkan bagi pelaksanaan program IPR dan telah memanfaatkan kira-kira 4,000 golongan sasar. Jumlah peruntukan tersebut turut meliputi RM92.5 juta di bawah pelaksanaan program INTAN, RM14.2 juta di bawah pelaksanaan program IKHSAN dan RM24.7 juta di bawah pendekatan basmi miskin tegar (BMT).

Kementerian Ekonomi juga telah selesai memuktamadkan proses tender terbuka menerusi kaedah *Request for Proposal (RFP)* berdasarkan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa bagi perolehan sewaan 4,900 unit *vending machine*. Kaedah ini bagi memastikan Kerajaan memperolehi kualiti dan nilai terbaik sebelum penyaluran peruntukan boleh dibuat bagi pelaksanaan program ini.

Selain itu, di bawah pelaksanaan IPR – INTAN, Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Pihak Berkuasa Koridor Ekonomi Wilayah juga melaksanakan kaedah RFP melibatkan peruntukan berjumlah RM100 juta bagi memberi peluang kepada agensi pelaksana yang mempunyai kepakaran pertanian untuk menjadi rakan strategik. Sebagai langkah permulaan, Kementerian Ekonomi juga telah melaksanakan sesi

pitching bersama beberapa syarikat yang berpotensi bagi tujuan penilaian awal dan melibatkan beberapa jenis cadangan tanaman bernilai tinggi seperti perusahaan cili fertigasi, sayur-sayuran, ternakan ayam, jagung serta napier.

(b) Di bawah IPR, bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk berniaga dan bekerja untuk menjana pendapatan tambahan.

Sebanyak 3 inisiatif rintis telah dilaksanakan di bawah IPR iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Ketiga-tiga inisiatif rintis ini dikenal pasti dapat membantu mengatasi isu utama yang dibangkitkan pada masa ini seperti isu keterjaminan makanan, peluang pekerjaan dan kos sara hidup yang tinggi.

Pelaksanaan IPR telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan melalui permohonan yang direkodkan menerusi laman sesawang IPR (www.ipr.ekonomi.gov.my).

Sehingga 10 Oktober 2023, sejumlah 128,535 permohonan telah diterima. Daripada keseluruhan permohonan ini, sejumlah 48,035 individu daripada kategori berpendapatan rendah layak untuk dipadankan dengan tiga (3) inisiatif ini yang meliputi 20,609 pemohon di bawah Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN), 13,013 di bawah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) dan 14,413 pemohon di bawah Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Di bawah Inisiatif Usahawan Tani atau INTAN, sejumlah 1,020 peserta telah diluluskan pelaksanaan program di 16 lokasi berkeluasan 818 ekar dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM92,552,738. Program ini juga turut diperluas ke negeri Terengganu dengan penglibatan sejumlah 160 peserta di atas tanah seluas 92 ekar dan melibatkan peruntukan berjumlah RM 9.1 juta.

Pelaksanaan INTAN juga turut akan diperluas ke daerah Kuala Terengganu menerusi kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan melibatkan perusahaan tanaman kontan di Pantai Timur. Bagi tujuan tersebut, ECERDC sedang

melaksanakan proses perolehan tender terbuka melalui RFP bagi memilih syarikat pertanian yang bersesuaian bagi memastikan keberhasilan program ini.

Inisiatif kedua yang dikenali sebagai Inisiatif Usahawan Makanan atau INSAN, sejumlah 84 peserta termasuk di negeri Terengganu telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan program dan berjaya meraih purata jualan harian antara RM150 – 400.

Dengan selesainya proses perolehan bagi 4,900 *vending machine*, maka pelaksanaan INSAN akan turut diperluas ke Kuala Terengganu dengan penempatan *vending machine* di lokasi-lokasi strategik yang dikenal pasti tertakluk kepada sambutan daripada masyarakat setempat.

Kerajaan juga mengambil langkah untuk memperkenalkan IKHSAN, sejumlah 1,032 peserta telah diluluskan pelaksanaan program di dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM14,179,320.00.

Selain itu, pendekatan membasmi kemiskinan tegar menerusi pelaksanaan program secara bersasar sama ada secara individu, komuniti atau hibrid juga turut diteruskan berdasarkan profil ketua dan ahli isi rumah miskin tegar serta potensi lokaliti yang dipilih di seluruh negara.

Sehingga kini, sejumlah 1,876 KIR miskin tegar telah diluluskan projek dengan peruntukan sebanyak RM24.7 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan pendekatan ini di seluruh negara. Jumlah tersebut turut merangkumi penglibatan 89 KIR miskin tegar di negeri Terengganu dengan peruntukan berjumlah kira-kira RM2.5 juta. Pelaksanaan pendekatan yang berasaskan kepada konsep lokaliti ini juga turut diperluaskan kepada daerah-daerah yang mempunyai bilangan kadar kemiskinan tegar yang tinggi di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan insiden-insiden kerosakan (termasuk jumlah kerugian) dan kematian manusia yang disebabkan oleh gajah dalam 5 tahun yang lepas. Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia, nilai kerugian yang dianggarkan daripada konflik manusia dan gajah yang dilaporkan adalah berjumlah RM39.9 juta bagi tempoh 2018 hingga 2022. Sementara itu, seramai 16 mangsa serangan gajah telah dilaporkan untuk tempoh yang sama melibatkan 10 kematian dan 6 kecederaan. Untuk tahun 2023 sehingga Jun 2023, sebanyak RM315,340.00 anggaran kerugian telah direkodkan dengan 2 kes kecederaan dan 3 kes kematian dilaporkan.
2. Konflik manusia dan gajah berlaku kerana kegiatan guna tanah manusia seperti pembukaan kawasan untuk perladangan dan pertanian yang mengakibatkan kehilangan serta pemisahan habitat gajah. Keperluan gajah untuk mendapatkan makanan yang banyak serta kawasan keliaran yang luas juga telah meningkatkan risiko berlakunya konflik manusia dan gajah.
3. Menyedari kepentingan untuk menangani isu ini, pihak Jabatan PERHILITAN telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar di Semenanjung Malaysia. Jawatankuasa ini turut melibatkan antaranya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri bagi meneliti isu-isu konflik serta merangka pelan pelaksanaan pengurusan konflik hidupan liar di seluruh Semenanjung Malaysia.
4. Selain itu, Jabatan PERHILITAN juga turut menjalankan pelbagai usaha mitigasi seperti berikut:
 - i. menubuhkan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) di Lanchang, Pahang bagi menyelaras tindakan pengurusan konflik gajah di seluruh Semenanjung Malaysia. Selain itu, Santuari Gajah Johor telah dibangunkan bagi menempatkan gajah-gajah konflik sementara Santuari Gajah Perak sedang dalam pembinaan;

- ii. menjalankan aktiviti pemantauan dan kawalan apabila menerima aduan konflik daripada orang ramai;
 - iii. menjalankan aktiviti tembak halau bagi menakutkan gajah dan menghalau gajah kembali ke dalam hutan;
 - iv. menjalankan operasi tangkapan dan pemindahan gajah ke habitat yang lebih sesuai. Ini merupakan jalan terakhir kerana ia melibatkan kos operasi yang tinggi;
 - v. menjalankan program pemantauan pergerakan kumpulan gajah melalui pemasangan kolar satelit yang berfungsi sebagai sistem amaran awal (*early warning system*) bagi mengesan pergerakan gajah ke kawasan pertanian atau penempatan manusia;
 - vi. menjalankan program kesedaran awam dan libat urus dengan pemegang taruh yang terlibat termasuk masyarakat setempat dan pengusaha ladang;
 - vii. membangunkan Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) terutamanya di kawasan kampung atau pertanian tradisional yang berdekatan dengan habitat utama gajah; dan
 - viii. membangunkan Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan (NECAP) sebagai garis panduan dan rujukan oleh pemegang taruh dalam pengurusan gajah di Semenanjung Malaysia.
5. Di samping itu, kerjasama serta tanggungjawab semua pemegang taruh adalah sangat penting terutamanya melibatkan pembangunan guna tanah serta amalan terbaik pengurusan ladang.
6. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) juga sedang merangka mekanisme pemberian bantuan bagi kerugian dan kerosakan tanaman serta harta benda akibat konflik hidupan liar kepada kumpulan sasar yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN Mohd Nazri bin Abu Hassan [MERBOK] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI menyatakan**

- a. jaminan Kementerian dalam memastikan FDI / DIA tidak terjejas dengan ketidak-tentuan ekonomi negara; dan
- b. sejauh manakah pencapaian Program Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan (TIM) untuk pelabur baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) sentiasa komited untuk mengekalkan dan menambah baik kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama, walaupun berhadapan dengan landskap global yang kian mencabar.

Walaupun berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi, negara mencatatkan peningkatan 34.8% bagi jumlah bilangan projek yang diluluskan bagi tempoh Januari sehingga Jun 2023, iaitu sebanyak 2,651 projek berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas, yang mana projek-projek tersebut akan menawarkan 51,853 peluang pekerjaan baharu di negara ini. Dalam tempoh yang sama, jumlah pelaburan yang

SOALAN NO : 46

diluluskan bernilai RM132.6 bilion dalam sektor perkhidmatan (RM82.4 bilion), perkilangan (RM44.9 bilion), dan utama (RM5.3 bilion).

Pelaburan langsung asing (*foreign direct investment - FDI*) menyumbang sebanyak 47.8% atau RM63.3 bilion. Ini menunjukkan bahawa di sebalik ketidaktentuan ekonomi global, Malaysia masih kekal sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini. Dalam konteks penarikan pelaburan ke Malaysia, Kerajaan sentiasa berusaha untuk membangunkan industri yang berteraskan teknologi tinggi dan mempunyai nilai tambah tinggi bagi mengukuhkan ekosistem industri di negara dan sekaligus mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang kompetitif. Antara strategi utama yang telah dan akan dilaksanakan bagi memastikan Malaysia mengutamakan pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi termasuklah:

- a. Program Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan (TIM) untuk menarik projek berkualiti dari seluruh dunia;
- b. *Strike force*, Misi Projek Khusus dan lawatan kerja spesifik bagi memberi fokus kepada syarikat-syarikat bertaraf dunia yang sangat berpotensi;
- c. Mempergiatkan lagi sesi libat urus dengan pelabur baharu dan sedia ada melalui pengajuran seminar/webinar, mesyuarat meja bulat, lawatan kerja, mesyuarat dengan syarikat individu dan majlis rangkaian oleh Pejabat Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Luar Negara;
- d. Mengukuhkan dan mempelbagaikan lagi kerjasama dengan dewan perniagaan, bank dan komuniti perniagaan antarabangsa dalam meneroka peluang ke arah menjana hasil yang saling menguntungkan serta menganjurkan program perdana (*flagship programmes*);
- e. Membantu syarikat asing dalam menempatkan pakar-pakar teknologi di Malaysia supaya mereka dapat terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara; dan

- f. Meningkatkan prestasi promosi media dengan menggunakan platform elektronik media antarabangsa dan tempatan untuk mempromosikan kelebihan Malaysia sebagai hab pelaburan serantau.

Sepanjang tempoh Januari hingga September 2023, sebanyak empat Misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM) telah dijalankan yang melibatkan empat negara. MITI melalui MIDA telah berjaya menjana nilai potensi pelaburan sebanyak RM230.07 bilion, iaitu, RM23.07 bilion melalui misi pelaburan ke Jepun; RM170 bilion melalui misi pelaburan ke Republik Rakyat China; RM24 bilion melalui misi pelaburan ke Republik Korea; dan RM13 bilion melalui misi pelaburan ke Singapura. Sebanyak RM118.21 bilion (51.38%) daripada jumlah komitmen pelaburan dijangka akan dimuktamadkan pada tahun yang sama.

Komitmen potensi pelaburan yang berjaya diperoleh ini adalah bukti keyakinan pelabur asing terhadap hala tuju dan dasar-dasar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui kerangka Malaysia MADANI, Dasar Pelaburan Baharu berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah keberhasilan pelan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB 2030) di dalam memacu dan merapatkan jurang ekonomi terutamanya Bumiputera Sabah dalam sektor ekonomi utama seperti pertanian dan komoditi, ekonomi digital, hab halal dan makanan, kewangan Islam, logistik, pembuatan dan pelancongan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agenda Bumiputera terus menjadi agenda nasional bagi mencapai pembangunan sosioekonomi yang adil, saksama dan inklusif. Kementerian Ekonomi melalui Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) sentiasa memastikan strategi dan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan TPB2030 dilaksanakan mengikut perancangan dengan kerjasama daripada pelbagai Kementerian melalui Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPAB) serta agensi berkaitan.

Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) merupakan salah satu pemangkin terhadap pembangunan syarikat-syarikat Bumiputera di setiap peringkat sebagai usaha untuk meningkatkan kebolehan, daya saing serta keyakinan usahawan Bumiputera. Hal ini bagi memastikan penyertaan Bumiputera di dalam sektor-sektor strategik yang telah dikenal pasti dilaksanakan secara efektif, inklusif dan seimbang. Di samping itu, usaha ini dapat menyumbang kepada nilai tambah pemilikan ekuiti yang mampan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Usaha berterusan sedang dilaksanakan untuk memperkuuhkan jurang ekonomi Bumiputera Sabah. Pelaksanaan dasar sedia ada termasuk strategi dan inisiatif oleh Kementerian dan agensi akan terus diurus tadbir secara berkesan selari dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025).

Kementerian Ekonomi melalui program Dana Kemakmuran Bumiputera di bawah TERAJU telah menjana pelaburan sebanyak RM183 juta di Sabah dengan jumlah geran yang telah diluluskan sebanyak RM15.4 juta. Program ini juga telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada hampir 600 penduduk Bumiputera Sabah melalui sokongan berbentuk “tipping point” kepada syarikat-syarikat Bumiputera Sabah dalam menerokai pelaburan baru dalam sektor-sektor strategik termasuk sektor pertanian dan komoditi, ekonomi digital, hab

halal dan makanan, kewangan Islam, logistik, pembuatan dan pelancongan.

Kementerian Ekonomi melalui program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera di bawah TERAJU juga telah menjalin kerjasama dengan agensi yang terdapat di negeri Sabah seperti Sabah Economic Development Corporation (SEDCO), Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA), Yayasan Sabah dan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Sabah dalam menjalankan projek komuniti untuk membantu golongan Bumiputera B40 di Sabah. Program ini telah berjaya mencipta lebih banyak peluang pekerjaan, meningkatkan kapasiti serta membuka peluang kepada usahawan Bumiputera Sabah untuk memperluaskan pasaran produk tempatan ke peringkat global melalui pelan pemasaran, promosi perdagangan dan meneroka kerjasama perniagaan baru di pasaran dunia.

Kerajaan sedang meneliti dan merangka dasar baharu agenda baharu pemerkasaan Bumiputera dengan mengambilkira dasar-dasar sedia ada yang berkaitan termasuk RMKe-12 dan TPB2030. Dasar baharu agenda baharu pemerkasaan Bumiputera akan mengariskan hala tuju serta pendekatan baharu yang lebih adil, saksama dan inklusif bagi memperkasa agenda Bumiputera secara menyeluruh dan seterusnya merangka pelan tindakan penyelesaian terhadap isu ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik yang masih wujud termasuk yang melibatkan Sabah. Dasar baharu agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera dijangka akan dibentang dalam Kongres Ekonomi Bumiputera yang dijadualkan pada Januari 2024 yang akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**EMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sasaran sebenar Bumiputera yang dirangka oleh Kerajaan dalam dasar ekonomi Madani, memandangkan sasaran sedia ada di dalam KSP RMKe-12 iaitu "Nisbah Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah Bumiputera kepada Cina (0.88:1)" dan "Nisbah Gaji dan Upah Penengah Bulanan Bumiputera kepada Cina (1:1)" adalah dari dasar Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat merupakan induk kepada beberapa lagi dasar khusus yang telah diumumkan oleh Kerajaan antaranya termasuklah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12. Ekonomi Madani bermatlamat untuk mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara dan hasilnya akan memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih bermutu.

Sasaran yang ditetapkan dalam KSP RMKe-12 mengambilkira pencapaian semasa dan isu serta cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan bagi mencapai outcome yang saksama untuk Bumiputera. Dasar Ekonomi Madani masih mengekalkan agenda Bumiputera sebagai agenda nasional bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif tanpa mengetepikan kelompok kecil kaum lain yang masih memerlukan bantuan Kerajaan sama ada untuk mengembangkan kerjaya atau perniagaan mereka.

Kerajaan sedar bahawa semua perancangan dalam dasar agenda pemerkasaan Bumiputera lebih memberi tumpuan terhadap pencapaian pemilikan ekuiti sektor korporat dan sehingga kini, sasaran 30% tersebut masih belum dicapai. Sehubungan itu, Kerajaan berhasrat untuk menilai semula pendekatan bagi mengukur tahap penyertaan dan kawalan ekonomi yang lebih bermakna. Hala tuju dan pendekatan baharu agenda Bumiputera akan ditetapkan bagi melahirkan kelas pertengahan Bumiputera yang mampu membina perniagaan yang meningkatkan pendapatan dan menambah nilai kepada ekonomi serta tidak lagi bergantung harap kepada gaji semata-mata.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD
SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL
[SEMPORNA]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN** menyatakan:

- (a) sejauh manakah dasar semasa dapat menangani isu keterjaminan makanan bukan sahaja dari sudut bekalan, bahkan juga mengenai aspek kawalan harga; dan

- (b) adakah kita mengalami defisit tenaga pakar yang boleh membantu Kementerian memperkasakan dan mempercepatkan kemajuan sektor pertanian negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited dalam memastikan bekalan makanan bagi keperluan rakyat adalah mencukupi dan terjamin. Melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025, pelbagai inisiatif dan program telah dan sedang dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan tempatan bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KPKM adalah seperti berikut:

- (i) **memperluaskan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)** menerusi **Model Mini Sekinchan** yang telah berjaya meningkatkan pengeluaran padi daripada 7.0 tan metrik kepada 10.45 tan metrik per hektar untuk dilaksanakan di beberapa negeri lain. Perluasan ini telah bermula di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada bulan Mei 2023 melalui usahasama dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS);
- (ii) **melaksanakan projek rintis penanaman padi lima (5) musim dalam tempoh dua (2) tahun** yang melibatkan kawasan seluas 423.36 hektar di kawasan jelapang dan luar jelapang di Kedah dan Perak. Selain itu, Kerajaan akan menaiktaraf sistem pengairan tersier di kawasan Muda, Kedah yang melibatkan 85 buah blok pengairan tersier bagi tempoh 15 tahun;
- (iii) **melaksanakan projek pengeluaran makanan ternakan melalui Pengukuhan Industri Jagung Bijian.** Sebanyak RM13 juta telah diperuntukkan pada tahun 2023 dengan sasaran kawasan penanaman seluas 500 hektar melibatkan

60 peserta terdiri daripada syarikat dan petani. Sehingga kini, sebanyak 187 hektar luas penanaman telah berjaya dicapai;

- (iv) **mengimport lembu untuk tujuan biak baka dan sembelihan** untuk meningkatkan populasi induk pembiak berkualiti dalam negara, antaranya Program Peningkatan Ruminan melibatkan empat (4) syarikat *anchor* integrasi dan 20 penternak yang menyasarkan 3,020 induk;
- (v) **meluaskan industri penternakan ruminan** dengan menumpukan kepada pemerksaan lembu pedaging **melalui program pembiakbakaan** untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSR) sebanyak 50% pada 2030. Inisiatif ini dilaksanakan melalui pengukuhan kawasan pengeluaran lembu fidlot yang melibatkan 68 unit ladang satelit dengan jumlah keluasan keseluruhan sekitar 1,769.15 hektar; dan
- (vi) **memperkasakan pengeluaran ikan makanan melalui akuakultur** yang menyasarkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40. Sasaran pengeluaran akuakultur bagi tahun 2023 adalah sebanyak 480,000 tan metrik, manakala sasaran jangka sederhana (2025) dan jangka panjang (2030) masing-masing adalah sebanyak 630,000 tan metrik dan 958,000 tan metrik.

KPKM melalui FAMA melaksanakan intervensi untuk mengurangkan kos sara hidup melalui Jualan Agro Madani yang menawarkan jualan secara terus kepada pengguna pada harga 10% hingga 30% lebih murah berbanding harga pasaran di lokaliti berkenaan. Sehingga September 2023, FAMA telah melaksanakan 2,766 program Jualan Agro Madani di seluruh negara dengan nilai jualan RM51.18 juta serta nilai penjimatan berjumlah RM15.35 juta.

- (b) Pada masa kini, KPKM mempunyai **para pegawai yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan tertentu yang meliputi pelbagai subsektor seperti tanaman, ternakan dan perikanan** merentasi beberapa agensi seperti **Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) dan Institut Penyelidikan Veterinar (VRI)** yang memfokuskan kepada penyelidikan dan pembangunan produk pertanian ke arah peningkatan kualiti dan produktiviti hasil.

Hasil penyelidikan para pegawai di MARDI antaranya telah berjaya menghasilkan varieti tanaman baharu seperti varieti padi MR 297 dan MRQ 76 yang tahan banjir atau tahan kemarau. Manakala, para pegawai di VRI berkepakaran dalam menjalankan penyelidikan dan diagnostik penyakit haiwan serta penghasilan vaksin. Para pegawai di FRI pula bertanggungjawab membangunkan kaedah penangkapan ikan yang lestari, penghasilan benih yang berkualiti dan pembangunan kapasiti dalam kalangan pengusaha akuakultur.

Selain itu, sumber tenaga pakar sedia ada di Kementerian turut melaksanakan **kerjasama secara berterusan dengan pelbagai kementerian, institusi awam, badan antarabangsa, jalinan kerjasama antara kerajaan (G2G) dan pihak swasta** bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para pegawai KPKM supaya bilangan tenaga pakar dapat ditingkatkan ke arah pemerkasaan sektor pertanian negara.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan setelah arahan JPT bagi memastikan pembabitan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kesatuan Mahasiswa (KM) dalam proses perangkaan garis panduan aktiviti hiburan di Institut Pendidikan Tinggi (IPT), senaraikan IPT yang sedang/telah melibatkan MPP dan KM dalam proses tersebut. Senaraikan IPT yang telah menggunakan Garis Panduan Aktiviti Hiburan (Konsert) di IPT yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) ataupun membangunkan garis panduan aktiviti hiburan sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 5 September 2023 telah mengarahkan supaya garis panduan bagi menjalankan aktiviti hiburan (konsert) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dirangka dan disediakan oleh IPT melalui penglibatan Majlis Perwakilan Pelajar/ Kesatuan Mahasiswa (MPP/KM).
2. Dalam masa yang sama, Kementerian turut menegaskan bahawa Garis Panduan Aktiviti Hiburan (Konsert) di IPT telah dikeluarkan oleh Kementerian sebelum ini hanyalah sebagai satu saranan serta rujukan kepada IPT dalam membangunkan garis panduan masing-masing.
3. Susulan daripada itu, pihak KPT telah mengadakan sesi libat urus bersama MPP/ KM pada 7 September 2023 bagi mendapatkan maklum balas status terkini setiap IPT yang sedang atau telah mempunyai garis panduan dan melibatkan MPP/KM dalam proses penggubalan dokumen tersebut.
4. Daripada sesi libat urus dengan MPP/KM tersebut, sebanyak 19 Universiti Awam (UA) dan beberapa Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) telah memberikan maklum balas bahawa pengemaskinian dokumen garis panduan aktiviti hiburan (konsert) sedia ada di Universiti masing-masing sedang dilaksanakan dengan merujuk kepada Garis Panduan Aktiviti Hiburan (Konsert) di IPT yang dikeluarkan oleh Kementerian sebagai panduan.
5. Pada masa yang sama, terdapat sebuah UA serta beberapa IPTS lain yang sedang dalam proses menggubal garis panduan masing-masing, dimana Garis Panduan yang dikeluarkan oleh KPT turut menjadi rujukan utama IPT tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER AL RAJAJI
[JELUTONG]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan projek tebatan banjir lembangan Sungai Pinang di Jelutong, Pulau Pinang yang pada mulanya diumumkan pada RMK-7 dengan jumlah anggaran perbelanjaan RM600 juta dan kemudian diumumkan di bawah RMK-11 dengan jumlah anggaran perbelanjaan sebanyak RM150 juta tetapi tidak dinyatakan langsung dalam Kajian Separuh Penggal RMK-12 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 11 September 2023 dan belum dilaksanakan lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) komited untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang semenjak Rancangan Malaysia Ke-11(RMKe-11) lagi. Setiap projek yang hendak dilaksanakan memerlukan perancangan yang teliti agar impak serta kualiti projek mencapai matlamat seperti yang telah dirancang.
2. Projek RTB Lembangan Sungai Pinang Fasa 1 telah diluluskan dalam *Rolling Plan-2* di bawah RMKe-11 dengan kos kontrak berjumlah RM114 juta. Tarikh milik tapak bagi projek tersebut adalah pada 21 September 2023 dan tarikh jangkaan siap kerja pada 20 September 2027 dengan tempoh kontrak selama 48 bulan. Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada 190,000 orang penduduk yang terjejas akibat bencana banjir.
3. Kementerian akan memastikan projek RTB ini berjalan dengan lancar bagi mengurangkan masalah banjir di Lembangan Sungai Pinang. Kementerian juga akan terus memantau perkembangan projek ini dan memastikan segala langkah-langkah yang diperlukan diambil untuk melindungi komuniti setempat daripada ancaman banjir yang sering berlaku.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO` MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]
TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO` MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha Kerajaan dalam mengembalikan integriti dan kredibiliti di mata pelabur dan rakyat apabila trend penarikan balik secara berkelompok dan berturut-turut pendakwaan kes-kes berprofil tinggi termasuk kes yang telah sampai kepada peringkat prima facie. Ini telah merosakkan imej sistem perundangan dan kehakiman negara kerana ia dilihat bertentangan dengan usaha meningkatkan integriti yang dilaung-laungkan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengasingan kuasa bagi cabang legislatif, eksekutif dan kehakiman di dalam Perlembagaan Malaysia adalah prinsip penting yang diperlakukan oleh pentadbiran negara dalam menjunjung keluhuran demokrasi dan memastikan setiap cabang menjalankan fungsinya dengan bebas (*independent*) tanpa didominasi atau dipengaruhi oleh cabang yang lain. Hal ini penting dalam menjamin tadbir urus negara dilaksanakan dengan penuh integriti serta menekankan keadilan, kebebasan dan kesaksamaan.

Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksana oleh Kerajaan dalam menarik dan memperkuatkan pelaburan dalam negara. Selain faktor tata kelola yang baik (*good governance*) di negara pelaburan pilihan, terdapat pelbagai faktor lain yang mempengaruhi keputusan para pelabur semasa menentukan destinasi pelaburan mereka. Antara faktor-faktor kritis yang mempengaruhi keputusan pelabur adalah kestabilan politik, kestabilan ekonomi, kesediaan infrastruktur asas, akses kepada pasaran terbuka, tenaga kerja dan bakat baharu serta dasar kerajaan yang mesra perniagaan termasuk insentif cukai dan fasilitasi pelaburan yang ditawarkan.

Malaysia memiliki beberapa kelebihan tersendiri yang membantu mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur global. Kedudukan geografi Malaysia yang strategik di Asia Tenggara iaitu di antara India dan Republik Rakyat China membolehkan pelabur memanfaatkan akses pasaran yang luas dan ekosistem pelaburan yang kukuh serta menikmati ketersediaan persekitaran perniagaan yang kondusif. Ini termasuklah ekosistem sektor elektrik dan elektronik, peranti perubatan, industri halal serta industri sokongan kejuruteraan seperti perkhidmatan acuan dan dai (*mould and die*), tuangan logam (*metal casting*), fabrikasi logam (*metal fabrication*) dan perkhidmatan sokongan kejuruteraan lain.

Keberkesanan pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif yang disusun oleh kerajaan untuk meningkatkan FDI dimanifestasikan menerusi pengiktirafan oleh institusi terkemuka, *Milken Institute Global Opportunity Index* 2022 yang menobatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang paling menarik bagi pelabur asing di kalangan negara-negara Asia Tenggara. Menurut laporan *IMD World Competitiveness Ranking* 2023 yang diterbitkan oleh *International Institute for Management Development* (IMD) pula, Malaysia berada pada kedudukan ke-27 bagi tahun 2023, peningkatan sebanyak lima anak tangga berbanding tahun lalu.

Keyakinan berterusan para pelabur terbukti apabila Malaysia telah berjaya menarik sejumlah RM132.6 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan utama bagi tempoh Januari sehingga Jun 2023, melibatkan 2,651 projek dan dijangka mewujudkan 51,853 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, DDI mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM69.3 bilion (52.2%), manakala FDI menyumbang sebanyak RM63.3 bilion (47.8%).

Kerajaan juga sentiasa proaktif dalam merangka formula dan strategi bagi mengekal dan memperkuatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi tumpuan kepada para pelabur. Antara inisiatif-inisiatif strategik yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia untuk memantapkan ekosistem pelaburan negara bagi menarik minat pelabur adalah seperti berikut:

- a. Memperkenalkan pelbagai dasar baharu selari dengan perkembangan teknologi, pembangunan industri semasa dan trend global termasuklah:
 - i. Pelaksanaan Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy* - NIP) berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspiration* - NIA) yang akan mendorong pertumbuhan jangka panjang Malaysia melalui kemasukan pelaburan berkualiti yang mampan.
 - ii. Pelancaran Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan 2030* - NIMP 2030).

SOALAN NO: 52

- iii. Pelancaran Rangka Kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Industri di bawah NIMP 2030 (*i-ESG Framework*) bagi meningkatkan ketersediaan industri ke arah pematuhan ESG.

- b. Penubuhan Majlis Pelaburan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. MPN berperanan sebagai badan eksekutif tertinggi dalam merencanakan agenda berkaitan pelaburan sekaligus memastikan tadbir urus pelaburan negara diperkasakan. Antara perkara yang telah diputuskan di dalam MPN termasuklah penyusunan semula ekosistem Agensi Penggalakan Pelaburan (*Investment Promotion Agency - IPA*) negara, menetapkan DDI sebagai antara petunjuk prestasi utama (*Key Performance Index - KPI*) bagi menjana jumlah pelaburan DDI di dalam negara dan pengaktifan semula Jawatankuasa Koordinasi Pelaburan di antara MITI dan kesemua IPA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan statistik terkini berkenaan ketirisan subsidi diesel oleh bot nelayan Zon A, B dan C dan tindakan tegas yang diambil bagi menanganinya.

JAWAPAN

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dalam penyaluran diesel bersubsidi kepada bot nelayan Zon A, B dan C. Di samping itu, pihak Kementerian juga bekerjasama dengan jabatan penguatkuasaan lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin (PPM) dan Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam menjalankan pemantauan di kawasan perairan negara dan di sepanjang rantaian pengedaran minyak diesel bersubsidi kepada nelayan.

Berdasarkan aktiviti pemantauan oleh LKIM dan tindakan penguatkuasaan yang dilaporkan oleh APMM, PPM dan KPDN kepada LKIM bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu daripada tahun 2021 sehingga Ogos 2023, sebanyak 167 kes melibatkan ketirisan diesel bersubsidi nelayan. Jumlah ketirisan diesel bersubsidi nelayan bagi tempoh tersebut adalah 934,000 liter bersamaan 0.04 peratus daripada jumlah kuota diesel bersubsidi yang diluluskan oleh Kerajaan iaitu sebanyak 70 juta liter sebulan.

Bagi nelayan yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti berkaitan ketirisan diesel bersubsidi, tindakan penangguhan dan menyenarai hitam bot-bot nelayan secara serta-merta daripada menerima diesel bersubsidi telah dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah lingkungan pendapatan untuk kategori T20, M40 dan B40 dan adakah Kerajaan akan mengkaji semula definisi itu dalam pelaksanaan program subsidi memandangkan sejumlah besar M40 pun berasa tertekan akibat inflasi kebelakangan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menentukan had pendapatan berdasarkan kategori kumpulan pendapatan dengan mengguna pakai cerapan data daripada Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Survei ini dijalankan setiap dua kali dalam tempoh lima tahun dengan mengguna pakai kaedah persampelan berkebarangkalian sejumlah sekitar 89,000 isi rumah yang mewakili 7.9 juta isi rumah persendirian warganegara Malaysia berdasarkan data Banci 2020. Survei terkini adalah HIES 2022 antaranya merangkumi data pendapatan isi rumah penengah, purata dan bilangan isi rumah dalam setiap kategori kumpulan pendapatan.

Secara umum, kategori pendapatan terbahagi kepada 3 kategori utama iaitu T20, M40 dan B40. Definisi kategori pendapatan tersebut adalah seperti berikut:

- a. B40 adalah **Bottom 40%** iaitu merujuk kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dari keseluruhan isi rumah. Berdasarkan HIES 2022, had pendapatan isi rumah B40 di peringkat nasional adalah kurang daripada RM5,250 yang meliputi 3.16 juta isi rumah.
- b. M40 adalah **Middle 40%** iaitu kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus pertengahan dari keseluruhan isi rumah. Berdasarkan HIES 2022, had pendapatan isi rumah M40 di peringkat nasional adalah antara RM5,250 dan RM11,819 yang meliputi 3.16 juta isi rumah.
- c. T20 adalah **Top 20%** iaitu kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi dari keseluruhan isi rumah. Berdasarkan HIES 2022, had pendapatan isi rumah T20 di peringkat

nasional adalah lebih daripada RM11,819 yang meliputi 1.58 juta isi rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Ekonomi telah memaklumkan berkenaan dengan peralihan dasar sosioekonomi negara melalui cadangan pengkelasan B40, M40 dan T20 kepada pendapatan boleh belanja isi rumah, dengan izin (*net disposable income*). Ini bagi membolehkan Kerajaan membuat peralihan daripada subsidi menyeluruh kepada subsidi bersasar yang lebih tepat. Inisiatif ini mampu direalisasikan dengan kerjasama pelbagai agensi melalui perkongsian data dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Kerajaan juga akan mempertimbangkan penggunaan pendekatan berasaskan indeks dalam menentukan had kelayakan bagi bantuan sosial dan kemiskinan supaya respons lebih tangkas terhadap perubahan sosioekonomi dan jika terjadi bencana dapat disediakan. Penggunaan pendapatan boleh belanja isi rumah dan indeks berkaitan memerlukan penelitian selanjutnya di bawah PADU.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PADU merupakan inisiatif di bawah Anjakan Besar Subsidi Bersasar yang akan dibangunkan sebagai rujukan berpusat bagi menyasarkan bantuan. PADU akan digunakan sebagai rujukan utama untuk bantuan sosioekonomi yang merangkumi antaranya program pembasmian kemiskinan dan subsidi bersasar.

Peralihan kepada subsidi bersasar dijangka akan dapat meringankan beban golongan rentan seperti golongan B40 dan M40 yang terkesan akibat peningkatan kos sara hidup dan inflasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar warganegara Bumiputera bukan Islam , Bumiputera Islam dan bukan Bumiputera di universiti awam mengikuti bidang yang dipelajari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan **sistem MyMohes KPT pada tahun 2022, bilangan enrolmen pelajar Warganegara di Universiti Awam adalah seramai 551,082.**
2. Daripada jumlah tersebut, **pecahan enrolmen pelajar Bumiputera** adalah merangkumi 86.5% iaitu 476,796 orang dan **bukan Bumiputera** adalah sebanyak 13.5% iaitu 74,286 orang.
3. Manakala, pecahan Warganegara Bumiputera dan bukan Bumiputera mengikut agama pada tahun 2022 adalah seperti berikut:
 - i. Bumiputera seramai 451,579 (94.7%) adalah pelajar beragama Islam manakala 5.3% adalah bukan Islam.
 - ii. Bagi enrolmen pelajar Warganegara bukan Bumiputera pula, seramai 68,403 (92.1%) adalah pelajar beragama bukan Islam manakala 7.9% adalah Islam.
4. Tiga bidang pengajian yang menjadi pilihan utama pelajar warganegara Bumiputera bukan Islam, Bumiputera Islam dan bukan Bumiputera di Universiti Awam adalah yang pertama Sains Sosial, Perniagaan & Perundangan diikuti yang kedua Kejuruteraan, Pembuatan & Pembinaan dan yang ketiga Sains, Matematik & Komputer.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 19 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan;

- (a) Adakah Kerajaan akan mewajibkan majikan mendedahkan kadar gaji dalam iklan kerja bagi memastikan hak-hak pekerja terjaga.
- (b) Apakah pencapaian Talent Corporation Malaysia Bhd. (TalentCorp) bagi tahun 2021 hingga ke 2023 dan adakah perkhidmatan TalentCorp masih relevan.

JAWAPAN

a) Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia, bagi tujuan pengiklanan kekosongan jawatan termasuk pekerja asing dan ekspatriat di Portal Pekerjaan MYFutureJobs, majikan hanya diwajibkan membuat paparan julat gaji yang ditawarkan, namun tidak diwajibkan memaparkan gaji sebenar.

b) Tuan Yang di-Pertua,

1. Talent Corporation Malaysia Berhad atau lebih dikenali sebagai TalentCorp adalah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang diberi tanggungjawab sebagai pusat bakat yang mampan dan berdaya saing berpandukan data dan maklumat keterlibatan industri.

SOALAN NO: 56

2. Selain itu, TalentCorp berfungsi dengan memberi fokus kepada tiga (3) teras iaitu, mengoptimumkan Bakat Malaysia, menarik dan memudahkan Fasilitasi Bakat Global dan membina rangkaian bakat terbaik.
3. Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui TalentCorp mulai 2021 sehingga 2023:

- i. **Membangunkan senarai Pekerjaan Kritikal Kebangsaan (MyCOL) TalentCorp.**

MyCOL diterbitkan secara tahunan untuk mengenal pasti trend permintaan sektor pekerjaan berdasarkan industri. Matlamat MyCOL adalah untuk menetapkan taksonomi kemahiran standard sebagai rujukan kebangsaan untuk memahami kemahiran.

Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, TalentCorp telah meluaskan inisiatif ke sekolah menengah, berinteraksi dan memberi pendedahan mengenai MyCOL yang menjelaskan landskap alam pekerjaan serta kemahiran yang diperlukan pada masa hadapan. Inisiatif ini membantu pelajar fokus kepada profil dan usaha kearah menangani isu pelajar yang cenderung memilih pekerjaan sambilan selepas SPM.

MyCOL 2022/2023 iaitu edisi ke-7, telah memberi tumpuan kepada 3 sektor untuk pembangunan dengan izin *Malaysia National Skills Registry: Aerospace, Manufacturing (Food Processing) and Construction.*

- ii. **Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP)**

MySIP merupakan satu inisiatif sebagai saluran transisi dari alam persekolahan ke alam pekerjaan, bagi memenuhi permintaan industri dengan bakat sedia-kerja. Sejak tahun **2012 hingga 2022**, lebih daripada **111,326 pelajar** telah **mendapat manfaat** daripada program MySIP, manakala **sebanyak 501 syarikat** telah **berdaftar** di bawah inisiatif ini. Rekod semasa menunjukkan 33 peratus pelajar mendapat

pekerjaan pertama di syarikat mereka menjalani latihan industri.

iii. Inisiatif mynext

Bagi memastikan siswazah bersedia untuk memasuki industri, TalentCorp mewujudkan portal pemfrofilan Mynext, iaitu merupakan portal yang menghubungkan pelajar, syarikat, dan universiti sebagai satu platform integrasi bakat. Selain itu, Mynext turut membantu pelajar menentu dan merancang laluan kerjaya mereka.

Mulai **tahun 2017 sehingga Ogos 2023**, inisiatif ini telah memberi manfaat kepada **233,556 pelajar** dengan penyertaan **sebanyak 10,656 syarikat**.

iv. Kolaborasi Industri - Akademia (IAC)

Kementerian Sumber Manusia menerusi TalenCorp, dengan Kementerian Pendidikan Tinggi dan pihak industri dari pelbagai sektor ekonomi telah bekerjasama untuk menghasilkan graduan yang berkemahiran teknikal serta menepati kehendak industri.

Sepanjang tahun 2022, pihak TalentCorp telah menjalankan 10 inisiatif kolaborasi industri-akademia merentasi 10 sektor di Malaysia antaranya, STEM, Animasi & Permainan Video, Elektrikal & Elektronik (E&E), Industri Perubatan, Logistik dan Bioteknologi. Melalui inisiatif ini, lebih dari **400 pemain industri** dan **akademia** telah bersama berbincang dan **memberikan komitmen dalam pembangunan bakat baharu di Malaysia**.

v. Platform MyHeart untuk diaspora Malaysia.

Platform MyHeart adalah portal sehenti yang penawaran peluang pekerjaan di Malaysia selain mengumpulkan kepelbagaian bakat diaspora Malaysia di seluruh dunia. Ia juga merupakan platform yang menawarkan ruang kolaborasi menggalakkan rakyat Malaysia di luar negara untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehingga Disember 2022, lebih 36 persatuan pelajar Malaysia di 12 negara berbeza berkolaborasi di dalam platform ini selain penglibatan 39 buah syarikat di portal MyHeart.

vi. *Gateway Xpats*

Dalam usaha memudahkan bakat ekspatriat yang membawa peluang pekerjaan melalui pelaburan, TalentCorp berkerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Ekonomi untuk menubuhkan *Gateway Xpats*.

Tuan Yang diPertua,

4. Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, TalentCorp juga telah membuka cawangan di Pulau Pinang dan Johor Bahru, serta merancang untuk menubuhkan pejabat satelit di Sabah untuk lebih memahami dan menangani keperluan bakat di Borneo.

5. Berdasarkan usaha yang telah dicapai dan tanggungjawab yang diberikan jelas bahawa, TalentCorp masih relevan malah setiap inisiatif atau program yang dilaksanakan meliputi institusi pendidikan, pihak industri dan kolaborasi bersama agensi Kerajaan sentiasa memberi impak signifikan kepada kemajuan dan kesejahteraan ekosistem bakat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.